

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

IKUTI
WAWANCARA
KHAS BERSAMA
MENTERI WP
►► 12 & 13

Zaliha fokus infrastruktur

Evolusi alat timbang
►► 9 - 11

Selawat buka tirai 2024
►► 14 - 15

700,000 pengguna
Think Quran ►► 16

Mudahkan penyaluran bantuan

PADU kurangkan ketirisan subsidi

AZLAN ZAMBRY

PANGKALAN Data Utama (PADU) yang baharu dilancarkan akan memastikan tiada ketirisan dalam pengagihan bantuan.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata rakyat Malaysia sendiri akan memainkan peranan penting dalam memastikan bantuan tidak diagihkan kepada mereka yang tidak memerlukannya.

"Rakyat Malaysia perlu mendaftar dan mengemas kini maklumat isi rumah mereka bagi mengelakkan mereka terlepas bantuan masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran PADU di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

Anwar berkata PADU, yang menggabungkan data daripada pelbagai agensi kerajaan di bawah satu bumbung, adalah salah satu hasil daripada pendekatan baharu Kerajaan Madani, yang menunjukkan pelaksanaan tangkas dan usaha kolektif seluruh kerajaan.

"Idea untuk membangunkan PADU telah dibincangkan semasa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 15 Mei 2023, dengan memberi penekanan kepada pelaksanaan



ANWAR (tengah) merasmikan Majlis Peluncuran PADU di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada Selasa.

secara berperingkat bagi memastikan sistem yang lancar dan bersepadan.

"Perjalanan di hadapan masih jauh. Proses pembangunan dan audit akan terus meningkatkan kualiti produk awal ini," katanya.

Menurut Anwar, komitmen untuk membangunkan PADU adalah untuk menyediakan pangkalan data profil penduduk Malaysia yang komprehensif dan bersepadan.

Pada asasnya, katanya PADU

berfungsi sebagai platform data nasional utama yang melibatkan penyepadan dan perkongsian data dalam kalangan semua agensi kerajaan yang berkaitan.

"Perkongsian data ini merangkumi PADU menggabungkan maklumat mengenai pendapatan, demografi dan bantuan yang diterima oleh penduduk.

"Dengan membina profil holistik bagi setiap individu, ia membolehkan analisis data dan

membantu dalam merangka dasar yang lebih tepat untuk memenuhi keperluan rakyat," katanya.

Anwar menambah bahawa sumber data yang komprehensif seperti PADU dan pangkalan data lain seperti Bantuan Tunai Rahmah dan penyelesaian bantuan e-madani memainkan peranan penting dalam melaksanakan pembaharuan subsidi.

"Metodologi khusus untuk langkah ini akan dimaklumkan pada masa yang sesuai, selepas

perbincangan dengan semua pihak berkepentingan.

"Saya memberi jaminan bahawa kesejahteraan rakyat tidak akan dipandang sebelah mata," katanya.

Dengan data yang komprehensif, tepat dan terkini di PADU, kata Anwar, kerajaan boleh meningkatkan bantuan kepada rakyat dengan memastikan semua individu yang layak menerima bantuan.

Serentak dengan itu katanya, ia membantu meminimumkan pembaziran dengan mengurangkan bantuan kepada mereka yang tidak layak.

"Dalam erti kata lain, ia boleh meminimumkan kesilapan kemasukan dan pengecualian. PADU adalah elemen penting dalam strategi kerajaan untuk pelaksanaan subsidi bersasar," katanya.

Sementara itu, dalam proses membangunkan PADU, Anwar berkata penekanan terhadap keselamatan sistem dan pencegahan kebocoran maklumat adalah keutamaan kepada semua pihak yang terlibat.

Beliau berkata bagi memastikan pengendalian data selamat, aspek keselamatan siber, termasuk keselamatan sistem dan perlindungan maklumat peribadi, mendapat perhatian khusus.

"Sehubungan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli telah melakukan usaha terbaik untuk memastikan tiada kebocoran data yang berpunca daripada PADU," katanya. WK

Data peribadi pengguna selamat dan dilindungi

PELAKSANAAN Pangkalan Data Utama (PADU) akan membantu kerajaan menyediakan pengukuran kedudukan sosioekonomi rakyat yang lebih tepat.

Menyatakan demikian, Menteri Ekonomi, **Rafizi Ramli** berkata ia sekali gus mengelakkan kecinciran berdasarkan pendapatan boleh guna bersih.

Tambah Rafizi, sistem tersebut juga mampu membantu kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

"Ini membolehkan kerajaan beralih daripada konsep B40, M40 dan T20 kepada kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

"Kaedah pengukuran ini mengambil kira jumlah tanggungan dan bilangan isi rumah, kos sara hidup mengikut lokasi, jarak ke tempat kerja serta pemilikan aset seperti rumah, kenderaan dan tanah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran PADU di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya baru-baru ini.

Malah menurut Rafizi

pelaksanaan PADU juga merupakan sebahagian daripada tindakan proaktif serta responsif yang dilakukan kerajaan sejak dengan kerangka ekonomi Madani.

Selain itu, Rafizi berkata bagi memastikan pengendalian data yang selamat, prosedur operasi standard (SOP) yang komprehensif telah diwujudkan.

Jelas beliau, kerajaan menyedari isu keselamatan siber sememangnya antara perkara yang menjadi kebimbangan rakyat dengan pembangunan pangkalan berkenaan turut mengambil kira segala aspek berkaitan risiko keselamatan sistem dan kebocoran maklumat berperingkat.

Kerjasama strategik turut diadakan antara Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA); Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO); CyberSecurity Malaysia (CSM); Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital untuk meningkatkan keselamatan serta mencegah kebocoran data, sekali gus memastikan perlindungan data


peribadi pengguna," ujarnya.

Dalam pada itu, Rafizi turut memberitahu PADU mampu membantu negara mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.0 hingga 3.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2025.

PADU dibangunkan melalui kepakaran dalaman Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), dengan kerjasama dan sokongan pelbagai kementerian, agensi serta Kerajaan Negeri.

Pembangunan PADU adalah sebahagian daripada usaha ke arah Govtech melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan hampir pada masa sebenar yang membolehkan analitik data lebih tepat dihasilkan.

PADU juga menyokong tiga aspek utama yang diberi penekanan dalam Govtech, iaitu perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit. WK



SOP komprehensif diwujudkan bagi memastikan pengendalian data selamat.



PEMBANGUNAN Labuan akan terus diberi penekanan.

Labuan berpotensi besar

Pembangunan di WP jadi keutamaan

AZLAN ZAMBRY

WILAYAH Persekutuan Labuan berpotensi dimajukan sebagai pusat pelancongan disebabkan kedudukan yang unik serta sudah pun mempunyai kemudahan asas yang mencukupi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Katanya, dengan potensi tersebut beliau akan memberikan fokus menambah baik kemudahan asas termasuklah bekalan elektrik dan air yang sebelum ini sering menimbulkan rungutan oleh penduduk.

“Ini juga telah disebutkan oleh Perdana Menteri. Jadi saya nampak beberapa perkara yang perlu diselesaikan segera terutama masalah infra. Bagi saya itu adalah kemudahan asas yang perlu diselesaikan.

“Saya berharap dalam tempoh setahun ini kita boleh selesaikan masalah tersebut berikutnya. Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika lawatannya ke Labuan Disember lalu telah mengumumkan RM300 juta bagi memastikan prasarana seperti elektrik dan air ini dapat diselesaikan,” katanya ketika wawancara eksklusif bersama *Wilayahku*.

Selain itu kata Zaliha, pembangunan Labuan akan terus diberi penekanan dan bakal dimajukan sebagai hab pendidikan.

“Kita telahpun ada beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang beroperasi di Labuan iaitu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Kolej Matrikulasi Labuan dan beberapa pusat latihan yang boleh dibangunkan,” katanya.

Berkenaan jambatan yang menghubungkan antara Labuan dan

Menumbok di Sabah, Zaliha berkata projek tersebut dilihat mampu menjadi *game changer* kerana ia dapat memudahkan banyak perkara termasuk aspek pembangunan di Labuan.

“Saya difahamakan sekiranya kewujudan jambatan itu nanti ia akan memudahkan proses mengangkut air bersih ke Labuan dan saya akan melawat semula projek berkenaan.

“Kita juga akan cuba usahakan termasuklah berbincang semula dengan Kerajaan Persekutuan. Saya lihat ada beberapa perkara yang kita boleh teroka model perniagaan baharu yang membolehkan perkara itu menjadi suatu yang realiti,” katanya.

Dalam masa yang sama, beliau mahu masalah infrastruktur dan kemudahan awam di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan di berikan perhatian khusus bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan menerusi keselesaan.

Zaliha berkata isu tersebut melibatkan penyelenggaraan berkala dan ia perlu dilaksanakan segera bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya di sekitar Kuala Lumpur.

“Infrastruktur ini lebih kepada penyelenggaraan dan daripada taklimat yang disampaikan, saya dapat kerja-kerja yang dijalankan itu tidak menepati tugas yang sepatutnya dilakukan.

“Sebagai contoh jalan berlubang yang berpotensi mengakibatkan kemalangan, saya dapatkan kita ada kaedah untuk mempercepatkan dan mempermudahkan proses penyelenggaraan untuk keselesaan orang ramai,” kata beliau.

Selain masalah penyelenggaraan jalan raya yang menjadi isu di ibu kota, penyelenggaraan longkang dan saliran juga turut menjadi punca kritikan terhadap Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) berikutnya ia berisiko menjadi banjir kilat ketika tiba musim monsun.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Zaliha berkata pihaknya akan bekerjasama dengan agensi lain bagi meningkatkan mutu infrastruktur di ibu negara.

“Sudah tentu kita perlu bekerjasama dengan agensi lain dan sebagai contoh aduan yang diterima agak banyak namun untuk menyelesaikan itu ada sedikit lambat dan kita kena perbaiki.

“Jika perlu penambahan petugas, itu perlu dijadikan keutamaan. Sekali lagi, ia perlu diselesaikan segera kerana sebagai ibu kota, ia tidak cantik jika perkara yang berkaitan dengan kemudahan asas tidak ditangani dengan baik,” katanya.

Beliau berkata setiap jabatan dalam agensi perlu memikirkan kaedah untuk mempercepatkan sistem penyampaian termasuklah penggunaan teknologi bagi mengatasi masalah responsif terhadap aduan.

“Saya lihat penggunaan teknologi dapat mengurangkan penggunaan masa dan selain itu, kita perlu melihat dari aspek tata kelola,” katanya.

Mengenai isu kesesakan lalu lintas pulau, Zaliha berkata terdapat kaedah yang boleh digunakan yang perlu dilakukan dengan cara yang betul melibatkan kerjasama semua agensi menerusi agenda Bandar Pintar atau *Smart City*.

“Kita mempunyai agenda Bandar Pintar yang entiti di bawahnya adalah *Safe City, healthy city, hub and technology* yang perlu dijayakan dengan kerjasama semua pihak dan agensi.

“Paling utama ia mestilah *friendly to everybody* yang sebahagian daripada entiti yang disebutkan itu sudahkan berada dalam fasa pelaksanaan yang perlu diperkuuhkan,” katanya. **WK**

BERSAMBUNG DI MUKA 12 & 13

Pendaftaran isi rumah dibuka sehingga 31 Mac

SISTEM Pangkalan Data Utama (PADU) bakal membawa perubahan dalam urusan pengurusan data di Malaysia.

Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata Malaysia mempunyai sebanyak 455 institusi sektor awam melibatkan 70 kementerian, jabatan dan agensi; 13 kerajaan negeri; 83 badan berkanun Persekutuan; 134 badan berkanun negeri dan 155 pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tambah Fahmi, kesemua data akan disimpan di bawah satu bumbung bagi memudahkan urusan semua pihak.

“Bayangkan, sebelum ini, kalau nak berurusan dengan tiga institusi sektor awam, kita perlu isi banyak dokumen berbeza dan bawa berpuluhan dokumen sokongan. Tapi maklumat yang diisi hampir sama.

“Sekarang, di bawah PADU semua data di bawah satu bumbung,” katanya pada Selasa.


Dalam pada masa sama, menurut Fahmi, urusan pemberian subsidi serta bantuan kewangan akan menjadi lebih mudah dengan adanya sistem PADU.

“Melalui sistem ini jugalah nanti, kerajaan akan lebih mudah untuk memberi subsidi dan bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan. Rakyat tak perlu dah isi data berpuluhan kali,” ujarnya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa merasmikan peluncuran PADU di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya berkata pengenalan sistem itu adalah selaras pendekatan transformasi digital negara dengan jaminan bahawa setiap kemudahan kerajaan akan dinikmati penerima yang berhak.

PADU, yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara serta pemastautin tetap di Malaysia, adalah pangkalan data sosioekonomi negara bersepadan dengan menggabungkan data daripada jabatan dan agensi kerajaan.

Pendaftaran di platform untuk memberi gambaran yang adil mengenai kedudukan sosioekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia itu dibuka kepada orang ramai mulai hari ini sehingga 31 Mac depan bagi mengemas kini serta mengesahkan 39 item maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat. **WK**



ORANG ramai boleh mula mengemas kini serta mengesahkan 39 item maklumat peribadi.

Didakwa pemerintahan gagal

Kerajaan berjaya rangka 5 dasar

SEPANJANG lebih satu tahun Kerajaan Perpaduan memerintah, pelbagai perubahan telah pun dilakukan sekali gus dapat dirasai dan dinikmati oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Namun dalam pada itu, tidak kurang juga pelbagai tohmahan yang turut dilemparkan oleh pihak tertentu yang tidak senang dengan segala pencapaian yang telah terbukti berjaya dilaksanakan.

Biarpun telah menginjak ke tahun 2024, namun di laman sosial masih bertebaran fitnah yang mahu menjatuhkan kerajaan kononnya pemimpin bergaduh sesama sendiri sehingga menyebabkan negara tidak stabil.

Walaupun begitu, kerajaan di bawah pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap melangkah maju ke hadapan dan sentiasa memfokuskan agenda utamanya untuk membela nasib rakyat.

Terbaharu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadil berkata atas kekuatan serta kestabilan daripada kesepadan itu, Kerajaan Madani berjaya merangka lima dasar yang cukup berasaskan untuk rakyat dan negara.

Antaranya rangka Ekonomi Madani yang telah menaikkan ekonomi negara dan rakyat selain Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) yang berupaya menarik pelaburan serta meningkatkan peluang pekerjaan baharu bergaji tinggi dengan fokus ditumpukan kepada industri penting.

"Pada masa sama, kerajaan



GAJI penjawat awam dikaji selain berusaha meningkatkan gaji pekerja swasta. - Gambar hiasan

mengkaji semula gaji penjawat awam dan usaha ini dilakukan untuk meningkatkan lagi produktiviti penjawat awam. Selain itu, kerajaan berusaha meningkatkan gaji pekerja swasta seluruh Malaysia menerusi pengenalan Dasar Gaji Progresif.

"Pada 2023, kerajaan turut memperkenal Dasar Peralihan Tenaga berikutnya terdapat keperluan mendesak untuk negara beralih ke sumber tenaga baharu," katanya menerusi hantaran di laman Facebook, baru-baru ini.

Di peringkat kementerian, pelbagai inisiatif baharu termasuk menurunkan harga Internet selain membawa semua syarikat telekomunikasi ke meja rundingan yang membolehkan mereka bersetuju menawarkan perkhidmatan 5G.

Selain itu, tempat yang selalu menghadapi masalah Internet seperti kampung Orang Asli serta kawasan pedalaman dapat menggunakan Starlink, manakala gaji pengurus dan penolong pengurus Pusat Ekonomi Digital

(PEDi) di seluruh negara dinaikkan RM500 sebulan.

Malah, atas inisiatif kerajaan juga peluang pekerjaan baharu untuk anak muda dalam sektor ekonomi digital meningkat 23 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya.

Jelalsh ia merupakan permulaan yang baik untuk Kerajaan Madani pada tahun 2023 dan dapat diteruskan dengan lebih banyak lagi kejayaan gemilang yang bakal dilakar pada tahun 2024. **WK**

PM ke luar negara lonjak ekonomi negara

KECOH dalam media sosial menerusi hantaran video apabila segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab mempertikaikan tindakan Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim yang seringkali ke luar negara.

Dakwa mereka, PM sentiasa sibuk berjalan-jalan sehingga mengabaikan rakyat dan tidak mengendahkan kesusahan mereka antaranya dengan kenaikan harga barang dan sebagainya.

Bagi Wilayahku, golongan ini merupakan mereka yang tidak matang dan hanya sekadar menangguk di air keruh hanya untuk konten media sosial semata-mata dalam erti kata lain hanya mengejar kemasyhuran terhadap isu yang dimuat naik di laman sosial.

Sudah semestinya tugas PM adalah untuk bertemu dengan pemimpin dunia dalam sesi kunjungan hormat lawatan kerja beliau ke negara luar. Dalam masa yang sama, beliau turut membawa masuk pelabur ke Malaysia



MALAYSIA berjaya meraih komitmen pelaburan RM347 bilion sepanjang lawatan rasmi serta misi perdagangan dan pelaburan di luar negara. - Gambar hiasan

sekali gus melonjakkan Malaysia ke dalam barisan ekonomi berpendapatan tinggi dunia.

Misalnya, lawatan kerja Anwar

ke Jepun baru-baru ini berjaya menarik potensi pelaburan bernilai RM6.56 bilion dan ia disifatkan amat berjaya dan

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

31/10/23-20/1/24: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

7/1/24: Pesta Lampu @ Desapark City, Kuala Lumpur

11/1/24: Program 1Komuniti 1Kitar Semula (1C1R) @ Perkarangan Parkir, Hadapan Lobi Menara DBKL 1

13/1-14/1/24: Bengkel Media Sosial Content Creator Usahawan Putrajaya @ Hotel Mercure, Shaw Parade

16/1/24: Temuduga Terbuka JKKN @ Tingkat 34, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur

PUTRAJAYA



5/1/24: Bazaar New Year with TSB @ Lobi Dewan Melati, Perbadanan Putrajaya

6/1/24: JomRun 6th Anniversary @ Dataran Wawasan

9/1/24: Pembacaan & Penulisan Jawi 2024 @ Kompleks Kejiran Presint 16

13-14/1/24: Putrajaya Watergate sixteen hour 2024 @ Kompleks Sukan Air Putrajaya

14/1/24: Putrajaya Lake Half Marathon 2024 @ Monumen Alaf Baru Presint 2, Putrajaya

28/1/24: MAIWP Run @ Dataran Putrajaya

LABUAN



6/1/24: Pertandingan Golf Tahun Baharu 2024 @ Labuan International Golf Labuan (LIGC)

14/1/24: Program Kesedaran Kanser Serviks (WCaRe) @ Jabatan Kesihatan Labuan

28-30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Kelangsungan hidup rakyat fokus utama KPDN

PELBAGAI rintangan serta cabaran telah dilalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dalam membantu kelangsungan hidup rakyat.

Faktor utama seperti mengembangkan ekonomi serta mengatasi masalah inflasi antara fokus utama dapat dilihat dalam mengurangkan beban hidup rakyat.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan perancangan tahun 2024 serta inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan KPDN, ikuti wawancara eksklusif Wartawan Kanan *Wilayahku*, SYED HAZIQUE, jurufoto SYUQQREE DAIN dan juruvideo HASIF HALIMI bersama Timbalan Menteri KPDN, **Fuziah Salleh**.

Apakah pencapaian KPDN sepanjang tahun 2023?

Tahun 2023 ialah tahun yang amat mencabar kepada saya secara peribadi dan di pihak kementerian sendiri terutamanya selepas kehilangan mantan Menteri, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Ia satu kehilangan besar apabila Allahyarham sendiri yang mengenalkan inisiatif jenama Payung Rahmah dalam membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup.

Sudah semestinya kayu ukuran pertama ialah kadar inflasi, bila kita ambil alih kerajaan kadar inflasi pada 4 peratus, dengan penyumbang terbesar ialah kategori makanan manakala sub kategori makanan di luar rumah paling tinggi sebanyak 9.6 peratus, inilah yang menarik kadar inflasi meningkat.

Apabila KPDN memperkenalkan Menu Rahmah pada Januari 2023, kita dimaklumkan oleh pakar-pakar penganalisis ekonomi, kesan daripada Menu Rahmah akan dapat dilihat pada bulan April, dan *alhamdulillah* pada mulanya dengan inflasi 9.6 peratus

kategori luar rumah, kita dapati sehingga Oktober turun kepada 5.6 peratus. Ketika ini kita ada sekitar 2,894 cawangan yang menawarkan Menu Rahmah.

Kemudian kita pergi kepada kategori makanan dalam rumah di mana tercetusnya idea untuk memperkenalkan inisiatif Jualan Rahmah. Walaupun kita mempunyai Jualan 1Malaysia, Jualan Rahmah berkoncepkan kedai cari pelanggan. Kedai dalam bentuk lori yang mengunjungi ke mana-mana lokasi golongan B40.

Alhamdulillah saya rasa ia satu pencapaian membanggakan dan ia berjaya menurunkan kadar



inflasi sekali gus menyantuni lebih 5 juta rakyat dengan Jualan Rahmah.

Inisiatif Payung Rahmah dilihat satu inisiatif yang berjaya memberi impak positif kepada rakyat, apakah ia akan diteruskan sampai bila-bila?

Di peringkat kementerian kita dah daftarkan ia sebagai satu cap dagang untuk pihak kementerian jadi ia tidak lagi boleh digunakan piyah lain.

Dalam pada masa sama, kerajaan komited dengan inisiatif Rahmah ini yang dapat membantu rakyat kurang berkemampuan. Justeru itu, inisiatif tersebut akan diteruskan malah dikembangkan lagi pada masa hadapan.

Apakah manfaat yang diperoleh restoran-restoran yang memberi inisiatif Payung Rahmah memandangkan kos barang juga dilihat meningkat?

Pada peringkat awal, pihak kementerian melaksanakan inisiatif tersebut tanpa peruntukan daripada kerajaan. Kesemua premis yang terlibat dengan Payung Rahmah melakukan secara sukarela dengan mengamalkan konsep berkongsi rezeki.

Namun pada 2 November KPDN

memperkenalkan kad insentif Rahmah. Ia merupakan kad diskaun di mana terdapat enam rakan strategik yang dilantik akan menawarkan diskaun sehingga 40 peratus kepada pengusaha Menu Rahmah yang berdaftar bersama KPDN. Antara rakan strategik seperti Giant, Mydin, NSK, Aeon Big, Lotus dan Econsave.

Berapakah jumlah nilai subsidi Payung Rahmah yang ditanggung KPDN?

Jumlah yang diberikan kerajaan ialah sebanyak RM100 juta ringgit, kemudian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melihat Jualan Rahmah berjaya dan ditambah lagi sebanyak RM50 juta menjadikan jumlah keseluruhan pada 2023 sebanyak RM150 juta.

Kemudian pada tahun 2024 pula, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM200 juta hanya untuk Jualan Rahmah tetapi masih tiada bajet untuk Bakul dan Menu Rahmah, cuma ada sedikit tambahan untuk kita mulakan Pasar Rahmah.

Kos sara hidup dilihat semakin meningkat, apakah langkah yang diatur oleh pihak KPDN dalam membantu mengurangkan beban rakyat?

Dalam pasaran ekonomi terbuka tidak boleh hendak kawal semua harga barang, kita ada juga mengawal seperti pada musim perayaan, jadi ada skim harga maksimum musim perayaan, tetapi di masa sama kita juga ada barang-barang kawalan harga contohnya minyak masak, gula dan sebagainya.

KPDN juga mempunyai mekanisme bagi membantu mengawal harga. Setakat ini kita kawal harga minyak petrol dan diesel di mana nanti mungkin akan diapungkan dan akan diberi subsidi

bersasar, jadi itu salah satu cara kita mengawal harga barang.

Kemudian KPDN ada menguatuksaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) untuk barang-barang yang tidak diletakkan harga maksimum.

Apakah langkah penguatuksaan pihak KPDN bagi mengelakkan ketirisan barang subsidi atau pihak tidak bertanggungjawab menyorokkan barang subsidi?

Kita selalu melakukan pemantauan dan penguatuksaan malah KPDN mempunyai akta yang harus dipatuhi semua pihak bagi mengelakkan serta membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan, sorok, salah guna serta ketirisan barang ini.

Malah, penguatuksaan menerusi operasi turut dilaksanakan dengan aktiviti turun padang serta memeriksa premis jual barang yang mencukupi.

KPDN turut mengeluarkan arahan kepada pengeluar atau pengawal bekalan di mana kita akan memastikan barang-barang ini ada menerima pengeluaran dengan arahan yang telah ditetapkan. Pihak kementerian akan memerhati dan memeriksa setiap hari agar mencapai kuantiti pengeluaran yang telah ditetapkan bagi memastikan barang mencukupi.

Apakah langkah-langkah atau inisiatif-inisiatif serta perancangan pihak KPDN dalam membantu rakyat memerlukan pada tahun 2024?

Pihak kementerian amat bertanggungjawab kepada perniagaan, pembangunan perniagaan dalam negeri serta tanggungjawab kepada pengguna, dan tentu sekali tunggang tanggungjawab ialah kos sara hidup. Dalam melunaskan kesemua tanggungjawab itu, pihak KPDN mempunyai badan penguat kuasa yang telah dilantik yang sentiasa memantau di seluruh negara dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Bagi tahun 2024, KPDN akan pergi ke tahap lebih tinggi dalam apa yang telah dilaksanakan, saya punya impian untuk mengeluarkan produk Rahmah seperti beras, minyak masak, sos cili, kicap dan pelbagai barang keperluan lain dengan memfokuskan jualan kepada golongan memerlukan. Saya juga akan mencuba untuk membawa produk atau jenama tempatan ke peringkat antarabangsa kerana itulah hasrat kami di peringkat kementerian.



Laksana tindakan penguatkuasaan

Tiada kompromi terhadap warga asing

HAZIRAH HALIM

PENERUSI Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), **Datuk Mohamad Abdullah** menyatakan pihak berkuasa termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meningkatkan operasi dan penguatkuasaan terhadap premis-premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur bagi membanteras pengambilan pekerja dalam kalangan warga asing.

Beliau berkata kegiatan segelintir pemilik peniaga tempatan yang menyewakan tapak niaga sekali gus mengajikan warga asing tanpa permit yang sah adalah satu kesalahan yang melanggar undang-undang dan wajar dihentikan.

"Isu ini sudah lama dibangkitkan dan hampir setiap hari media melaporkan tindakan operasi, serbuan dan pemantauan diambil oleh DBKL bersama agensi penguatkuasaan yang lain. Walau bagaimanapun, isu ini dilihat tiada tanda noktah apabila peniaga tempatan sendiri yang memberi ruang dan peluang kepada golongan tersebut untuk menjalankan perniagaan."



TINDAKAN operasi sentiasa diambil oleh DBKL bersama agensi penguatkuasaan lain. - Gambar hiasan

"Hal ini sekali gus membuatkan mereka menjadi berani dan agresif sehingga berupaya membuat lokasi tapak niaga seperti di pasar borong dan kedai runcit seakan miliknya sendiri.

"Kalau dia bekerja mesti ada permit yang sah tapi kalau sebaliknya, majikan harus berfikir panjang terlebih dahulu. Pihak berkuasa

juga wajar memberikan amaran kepada pemilik perniagaan, jika tidak dihiraukan, maka laksana penggantungan atau sitaan terhadap lesen mereka," katanya.

Selaku penggerak persatuan, beliau juga sering menerima aduan daripada peniaga tempatan di mana hampir 60 peratus daripadanya mengeluh akibat sikap segelintir pemilik yang masih

meneruskan kegiatan tersebut.

"Di peringkat persatuan, kita sering menerima aduan daripada peniaga dan melalui program bantuan sebelum ini, saya juga sudah berkali-kali mengingatkan kepada para peniaga untuk tidak menyewakan tapak dan mengajikan pekerja warga asing terutama yang tidak mempunyai

permit yang sah.

"Saya faham akan keadaan dialami peniaga yang kekurangan tenaga kerja atau pembantu dan rata-rata pekerja yang masih bertahan juga adalah dalam kalangan warga asing namun sekiranya ia ingin diteruskan, pemilik perniagaan harus mengikut prosedur sebenar," jelasnya tiada kompromi terhadap perbuatan tersebut.

Walau bagaimanapun, beliau turut memuji tindakan pasukan penguatkuasaan DBKL dan lain-lain pihak dalam melaksanakan tindakan terhadap premis-premis perniagaan terutama di lokasi hot spot di sekitar ibu kota.

"Tindakan seperti ini perlu diteruskan. Meskipun amaran telah diberikan namun gejala seperti ini masih berleluasa. Kalau boleh biarkan sahaja pihak penguat kuasa memantau di lokasi tersebut, baru mereka takut.

"Apa jua alasan tidak boleh digunakan. Kalau hendak menyewakan atau mengajikan mestilah kepada orang yang tepat. Kalau ruang sedia ada diberikan kepada pihak luar, apa jadi pada rakyat kita," tegasnya. **WK**

Lorong Bas Jalan Genting Klang catat peningkatan penumpang

JUMLAH penumpang bas di Projek Percubaan Lorong bas tambahan di Jalan Genting Klang meningkat sebanyak 43 peratus bagi laluan 250 (Stesen LRT Wangsa Maju ke Lebuh Ampang) semenjak ia dilancarkan pada November 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus Sdn Bhd, **Muhammad Yazurin Sallij** berkata peningkatan tersebut direkodkan hasil daripada sambutan baik yang diterima daripada penumpang bas terutama di sekitar kawasan Setapak dan Wangsa Maju.



YAZURIN

"Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh pihak Rapid Bus sendiri, rata-rata pengguna menyambut baik inisiatif tersebut. Perjalanan yang sebelum ini memakan masa selama lebih satu jam kerana perlu bersesak dan menunggu lama terutama ketika waktu puncak pagi dan petang, kini dapat dijimatkan sehingga 20 minit.

"Hal ini kerana, lorong bas tersebut beroperasi pada waktu puncak, dari pukul 6 hingga 9 pagi pada setiap Isnin hingga Jumaat dengan frekuensi kekerapan laluan bas selama tiga hingga lima minit sahaja selain tambangnya juga berpatutan tidak melebihi RM2.50.

"Jelas terbukti, dengan adanya lorong bas ini, perkhidmatan bas Rapid KL lebih lancar dan

boleh menjimatkan masa perjalanan sehingga 20 minit jika dibandingkan dengan kenderaan awam. Perkhidmatan bas di Jalan Genting Kelang ini juga boleh menghubungkan para penumpang ke mod pengangkutan awam yang lain untuk ke destinasi akhir," katanya.

Dalam pada itu, Yazurin turut memaklumkan projek percubaan lorong bas di Laluan Ampang yang bermula dari Jalan Rhu ke Persimpangan Jalan Tun Razak turut mencatatkan peningkatan penumpang sebanyak 15 peratus bagi tahun 2023.

"Insya-Allah untuk perancangan, kita juga sudah berbincang dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR)



PROJEK percubaan lorong bas Jalan Genting Klang dan Jalan Ampang bantu lancar perjalanan lalu lintas.

Selangor untuk memanjangkan laluan bas Jalan Ampang ke kawasan Selangor.

"Perancangan lain, kita juga sudah berbincang dengan pihak DBKL untuk mengintegrasikan laluan GO KL dan laluan Rapid KL di dalam aplikasi PULSE yang disediakan oleh kami. Ia membolehkan pengguna merancang perjalanan dan mengetahui lokasi bas melalui aplikasi tersebut," katanya.

Terdahulu, projek percubaan lorong bas di Jalan Genting Klang dan Jalan Ampang adalah inisiatif yang dilaksanakan oleh Rapid Bus Sdn Bhd dengan kerjasama DBKL bagi menambah baik perjalanan bas di sekitar Kuala Lumpur termasuk memberi kemudahan segera kepada pengguna. **WK**



ANTARA mural yang menjadi perhatian terletak di Jalan Hang Kasturi.

Mural di ibu kota tarik perhatian orang luar

SELARI dengan matlamat menjadikan bandar raya Kuala Lumpur sebagai ibu kota semi jalanan, beberapa bangunan di sekitar Kuala Lumpur diceriakan dengan lukisan mural pelbagai konsep menerusi projek pengindahan bandar di bawah insiatif Jabatan Kawalan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menariknya, lorong-lorong di sekitar ibu kota yang sebelum ini gelap, berbau dan kotor kini sudah dinaik taraf dan diindahkan dengan pelbagai corak lukisan mural menarik hasil kerjasama DBKL dan beberapa pelukis mural tempatan.

Terbaharu, tiga lokasi di sekitar ibu kota iaitu di Jalan Hang Kasturi, Kepong Baru dan Lebuh Ampang diberi imej baharu dihias dengan pelbagai corak lukisan mural yang bersifat estetik dan *Instagrammable* yang pastinya mampu mengabadikan memori indah buat pengunjung terutama pelancong luar negara.

Jelaslah, inisiatif DBKL menaik taraf semula lorong-lorong bangunan tidak hanya memberi keceriaan kepada persekitaran

Angka sahaja tidak cukup



ZULKIFLI SULONG

DALAM ucapan sempena menyambut Tahun Baru 2024 kelmarin, Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim berjanji akan memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi dalam tahun kedua pentadbiran beliau.

Bagi beliau, walaupun sepanjang tahun 2023, Malaysia mendapat angka-angka yang baik dalam pembangunan ekonomi Malaysia tetapi ia tidak berguna kalau tidak dirasai oleh rakyat.

Dalam ucapan itu, Anwar turut menegaskan kerajaan beliau akan memberikan tumpuan utama kepada mengekang kos sara hidup agar memberikan kesejahteraan kepada negara dan rakyat.

Walaupun pertumbuhan negara kekal empat peratus dan inflasi di bawah dua peratus, beliau mahu ia bukan sekadar angka sahaja tetapi rakyat keseluruhannya perlu merasainya dengan jelas.

Dua hari selepas itu, PM Anwar melancarkan Pangkalan Data Utama (PADU), sistem yang mengandungi profil individu dan isi rumah memababitkan warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia.

Sistem data ini bertujuan untuk memastikan bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan selepas ini sampai kepada orang yang tepat berdasarkan keperluan mereka.

Dalam keluaran yang lepas, *Wilayahku* melaporkan tentang jenis apakah Kerajaan Madani ini. Kerajaan Madani ini adalah Kerajaan Bekerja.

Ia dinamakan Kerajaan Bekerja kerana sememangnya kerajaan ini menjalankan kerja mereka untuk rakyat bukannya kerajaan yang cuba untuk mempertahankan kedudukan mereka sahaja.

Contoh paling nyata adalah bekalan telur dan ayam. Sebelum kerajaan ini mengambil alih pentadbiran negara, rakyat berhadapan dengan masalah telur dan ayam yang tidak ada di pasaran.

Dengan beberapa pendekatan yang dibuat oleh kerajaan, tiba-tiba masalah telur dan daging ayam bukan lagi masalah kepada rakyat negara ini.

Bukan itu sahaja, kerajaan yang ada juga berjaya menyelesaikan masalah beras yang naik harga ekoran kenaikan harga beras import secara mendadak di pasaran.

Projek padi ala Sekinchan yang dijalankan kerajaan di jelapang padi negara iaitu di kawasan Mada di utara dan Kada di pantai timur mula menunjukkan hasilnya.

Sekarang ini, kerajaan dengan kerjasama badan-badan penyelidik termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang membuat kajian dan perancangan terperinci untuk mengeluarkan baka ayam daging dan telur sendiri dengan kerjasama dari Indonesia.



ANWAR sentiasa turun padang meninjau keadaan rakyat. - Gambar hiasan

Selepas projek ini berjaya dan berjalan lancar nanti, Malaysia akan menjadi pengeluar ayam dan telur yang boleh membanggakan negara.

Semua ini berlaku kerana kerajaan yang ada mengutamakan kestabilan kerajaan dan bekerja ke arah itu. Dengan sokongan melebihi dua pertiga, sukar untuk Kerajaan Perpaduan ini digugat.

Walaupun percubaan demi percubaan dibuat untuk menebus atap sekali lagi, selepas Langkah Sheraton 2020 lalu, nampaknya ia tidak berhasil.

Langkah Dubai yang cuba dibuat baru-baru ini sudah nampak ketara gagal. Gagal kerana semua pihak mempunyai kata sepakat, dengan kestabilan kerajaan sahaja, negara kita akan berjaya.

UMNO sendiri mempunyai mekanisme yang tegas dalam membendung gejala ini. Dengan surat kuasa yang diberikan kepada Presiden UMNO menjelang pilihan raya ke-15 lalu, tidak akan ada mana-mana Ahli Parlimen (MP) UMNO yang sedia untuk melompat parti atau beralih arah.

Pemimpin dari Sabah dan Sarawak juga bertegas, mereka akan memastikan kerajaan yang ada stabil dan kekal sehingga habis penggalnya.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg hairan kerana turut dikaitkan dengan Langkah Dubai bagi menjatuhkan Kerajaan Perpaduan apabila namanya secara tidak langsung disebut kononnya sebagai bakal Perdana Menteri.

Beliau menegaskan bahawa Gabungan Parti Sarawak (GPS) pimpinannya hanya mempunyai 23 kerusi di Parlimen dan beliau tidak berminat untuk menerima jawatan Perdana Menteri hanya kerana mahu menyertai pakatan bagi menjatuhkan kerajaan sedia ada.

"Apa hal pula nama saya turut dimasuk dalam Langkah Dubai itu (kononnya) nak jadi Perdana Menteri...adakah patut?

"Saya memang terkejut apabila mereka sebut itu.

"Kita (GPS) sukat baju di badan sendiri, kalau sukatan seperti sekarang kita ikut sukatan itulah kerana GPS hanya ada 23 kerusi (Parlimen), (kita tidak mahu) nanti apabila kita naik (jadi Perdana Menteri) mereka tekan kita pula,

sebab itu saya kata, kita bukan paloi (bodoh)," katanya.

Jelasnya, langkah GPS menyokong Kerajaan Persekutuan sekarang berjaya menstabilkan politik negara dan dengan berkat kestabilan itu, Sarawak kini meraih hasilnya apabila ekonomi semakin kukuh.

"Sebab itu GPS mengutamakan kestabilan Kerajaan Malaysia kerana kita perlu bersaing dengan negara jiran yang lain (dalam mengukuhkan ekonomi).

"Kalau (politik) Malaysia kelam kabut, siapa yang hendak membawa duit (melabur) di negara kita dan jika tiada pelaburan, peluang pekerjaan (untuk rakyat) juga kurang," tambahnya lagi.

Itu sikap rasmi Sarawak. Sabah pun hampir sama. Selepas Ketua Menteri Hajiji Nor menyokong Anwar, kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan MP Bersatu di Sabah goyah.

Menurut sumber, kata *Berita Harian*, 14 ADUN BERSATU di Sabah termasuk dua ADUN dilantik, serta empat Ahli Parlimentnya perlu meninggalkan parti itu dan menjadi ahli langsung GRS supaya tidak timbul lagi persoalan mengenai kedudukan mereka.

GRS yang didaftarkan sebagai sebuah entiti politik baharu di Sabah pada awal tahun ini, dikata membenarkan keahlian terus, selain komponen parti untuk menjadi ahlinya.

Setiausaha Agung GRS yang juga Timbalan Ketua Badan Pimpinan BERSATU Sabah, Datuk Seri Masidi Manjun dilaporkan sebuah portal berita, sebagai berkata khabar angin mengaitkan mereka dengan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) adalah tidak benar, sebaliknya beliau meminta diberi tempoh beberapa hari lagi berhubung keahlian terus dalam GRS.

Marilah kita bersama-sama bertekad di awal tahun baharu ini untuk memberikan peluang sepenuhnya kepada kerajaan yang ada untuk memperkuatkhan ekonomi negara.

PENULIS adalah penganalisis politik yang mengenal siapa kerajaan yang ada dan siapa pembangkang sekarang.



Ibu negara pilihan pelancong

TAHNIAH! Hebat bandar raya Kuala Lumpur. Selain terkenal sebagai ibu negara dan pusat ekonomi serta kewangan, ia juga antara bandar raya menjadi pelawat semalam antarabangsa dan perbelanjaan rentas sempadan. Bangkok menduduki tangga pertama dengan kedatangan 22.78 juta pelancong.

Ini diikuti oleh Paris, London, Dubai dan Singapura, masing-masing dengan kedatangan 19.10 juta, 19.09 juta, 15.93 juta dan 14.67 juta pelancong.

Menurut laporan, Kuala Lumpur mengatasi bandar raya hebat lain seperti New York, Seoul, Tokyo dan Istanbul. Menurut siaran di laman web *Travelness*, dapatan ini bersandarkan Indeks Bandar Destinasi Global hasil kajian oleh Mastercard.

Kawan-kawan Kedai Kopi tumpang gembira. Ia membuktikan ibu kota terkenal di negara luar sehingga ramai ingin datang berkunjung bagi menyaksikan bandar raya yang pesat membangun serta memiliki pelbagai tarikan pelancongan menarik.

Kehadiran pelancong bukan sahaja mempopularkan Kuala Lumpur dan mengangkat namanya di mata dunia tetapi menjadi sumber pendapatan negara. Semakin ramai pelancong, semakin banyak tukaran asing diperoleh. Ini membantu merancakkan ekonomi negara.

Motosikal besar 'raja' jalan raya

KENDERAAN besar seperti lori dan treler disifatkan sebagai 'raja' baik di atas jalan raya biasa atau lebuh raya. Saiz badannya yang besar dan sering dipandu laju, menyebabkan ia digeruni oleh pengguna jalan raya lain.

Tetapi kini bukan sahaja lori dan treler menjadi raja jalan raya. Motosikal besar berkuasa tinggi sudah termasuk dalam kategori tersebut. Gelagat penunggang motosikal dan cara penunggangannya menampakkan mereka menguasai jalan raya.

Berbalik kepada lori dan treler, pemandu lain sangat berhati-hati, malah berasa cemas jika berselisih dengan dua kenderaan tersebut atau jika kenderaan berat itu berada di hadapan dan belakang mereka. Pemandu mahu sahaja cepat keluar daripada lorong mereka berada.

Motosikal besar bukan isu baharu kerana sudah berada di jalan raya sejak lama. Namun kebelakangan ini gelagat penunggang nampak makin menjadinya-jadi. Biasanya mereka yang bermotosikal ini adalah daripada kelab atau persatuan tertentu yang menunggang motosikal sebagai hobi dan untuk rekreasi. Ada yang berseorangan, ada berpasangan.

Cuma yang merisaukan kawan-kawan Kedai Kopi ialah cara mereka menunggang motosikal. Ditunggang laju itu sudah pasti. Masakan motosikal

Kajian Mastercard menyenaraikan bandar raya paling dilawati pelancong dengan mengambil kira jumlah ketibaan pelawat semalam antarabangsa dan perbelanjaan rentas sempadan. Bangkok menduduki tangga pertama dengan kedatangan 22.78 juta pelancong.

Ini diikuti oleh Paris, London, Dubai dan Singapura, masing-masing dengan kedatangan 19.10 juta, 19.09 juta, 15.93 juta dan 14.67 juta pelancong.

New York, Istanbul dan Tokyo masing-masing menduduki tempat ketujuh, kelapan dan sembilan dengan jumlah pelancong masing-masing 13.6 juta, 13.4 juta dan 12.93 juta orang.

Kehadiran pelancong bukan sahaja mempopularkan Kuala Lumpur dan mengangkat namanya di mata dunia tetapi menjadi sumber pendapatan negara. Semakin ramai pelancong, semakin banyak tukaran asing diperoleh. Ini membantu merancakkan ekonomi negara.

Motosikal besar 'raja' jalan raya

besar hendak ditunggang perlahan seperti motosikal kapcai. Pendek kata kelajuan yang boleh membawa padah serius jika berlaku kemalangan.

Jika berada di lebuh raya, dari jarak yang masih jauh di belakang, pemandu kenderaan sudah boleh mendengar deruan motosikal. Apatah lagi dengan lampu besar yang menyala garang membolehkan pemandu melihat kedatangan mereka. Cahaya lampu hingga menyilaukan mata jika dari arah bertentangan.

Satu persatu motosikal bergerak pantas memotong kenderaan lain. Dalam proses itu mereka mencelah antara kenderaan sehingga kenderaan lain pula yang terpaksa merayu memberi laju.

Banyak kes kemalangan maut berlaku melibatkan motosikal besar. Namun ia tidak menimbulkan rasa takut dalam kalangan penunggang. Mereka tetap memecut dan mencelah di jalan raya. Pemandu lain pula yang terpaksa berwaspada demi mengelak kejadian tidak diingini.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, tidak ada masalah memenuhi hobi. Cuma perlu beringat dan berwaspada demi keselamatan diri sendiri dan orang lain. Ingat, jika berlaku sesuatu tragedi bukan sahaja penunggang yang akan susah, tetapi orang lain turut menerima akibat.

Tahun baharu penuh bermakna



KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA menyambut baik pengumuman Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil bahawa tidak ada acara sambutan ambang tahun baharu seperti kebiasaannya. Kerajaan membuat keputusan sedemikian sebagai tanda solidariti dan simpati kepada saudara-saudara kita di Gaza yang menderita dizalimi oleh zionis Israel.

Biarpun Palestin berjarak lebih 8,000 kilometer dengan kita, rasa kemanusiaan itu tidak pernah ada garis pemisahnya. Jauh pada jarak fizikal, tetapi dekat pada rasa kemanusiaan yang sejagat yang mendekatkan semua yang 'berhati manusia'.

Keputusan kerajaan untuk tidak menganjurkan sambutan ambang tahun baharu adalah tepat dalam keadaan di satu penjuru dunia berpuluhan ribu manusia dibunuh sewenang-wenangnya. Setidak-tidaknya inilah cara kita menyatakan pendirian dalam isu kemanusiaan seperti ini.

Depan Bangunan Sultan Abdul Samad pada malam menjelang tahun baharu 2024 Ahad lalu memang penuh sesak dengan orang ramai. Bagaimanapun semua bersurai selepas jarum jam di menara Bangunan Sultan Abdul Samad melintas angka 12. Tidak ada pertunjukan bunga api dan persembahan hiburan seperti biasa.

Ini adalah satu tindakan atau keputusan yang sangat baik dalam membangkitkan perjuangan kemanusiaan. Sekalipun ada dalam kalangan kita tidak mampu menghulurkan sumbangan untuk meringankan penderitaan rakyat Palestin, tindakan yang menjurus pada perjuangan kemanusiaan tetap tinggi nilainya.

Tahun ini merupakan dua tahun berturut-turut kerajaan tidak menganjurkan sambutan ambang tahun baharu di peringkat Persekutuan. Tahun lalu langkah itu diambil sebagai tanda berkongsi duka dan simpati dengan mangsa banjir besar di beberapa negeri.

Begitu juga pada akhir Disember 2021, tidak diadakan sambutan tahun baharu di Kuala Lumpur seperti sebelumnya juga sebagai tanda simpati dengan mangsa banjir besar yang melanda beberapa negeri ketika itu. Semua itu adalah tindakan yang menampakkan kemanusiaan diletakkan di tempat



KETIADAAN acara yang menjurus keseronokan dan kepestaan itu telah memberi ruang meningkatkan keinsafan kita dalam menjalani kehidupan. - Gambar hiasan

yang utama.

Lama sebelum ini misalnya pada 2004 juga tidak diadakan sambutan ambang tahun baharu berikutnya tragedi tsunami yang melanda Aceh dan beberapa negara Asia Tenggara. Malah negara kita juga terkena tempas tsunami misalnya di Pulau Pinang dan Kedah.

Lantaran itu suasana di Kuala Lumpur pada 31 Disember 2004 agak sepi. Bagaimanapun keadaan itu sedikit sebanyak diyakini telah meningkatkan rasa insaf dan syukur dalam kalangan rakyat.

Sekalipun tahun-tahun yang disebutkan itu tidak ada sambutan yang gilang-gemilang serta penuh kemilau dengan percikan bunga api, kehidupan pada hari berikutnya berjalan seperti biasa. Tidak ada yang kurang atau terganggu pada tahun baharu.

Malah ketiadaan acara yang menjurus keseronokan dan kepestaan itu telah memberi ruang meningkatkan keinsafan kita dalam menjalani kehidupan. Ada yang diuji dengan tragedi dan yang selebihnya wajar mengambil iktibar supaya berpada-pada meraikan kegembiraan.

Keadaan yang sedemikian bukan sahaja membangkitkan rasa simpati, malah menjadikan kita lebih mengerti terhadap realiti kehidupan dan penderitaan yang ditanggung oleh orang lain. Hal itu kerana semua yang berlaku itu membawa isyarat dan pengertian tertentu

dalam kehidupan.

Sekalipun tidak ada sambutan tahun di depan Bangunan Sultan Abdul Samad pada tengah malam 31 Disember dan menjelang 1 Januari yang lalu, kehidupan kita pada hari berikutnya berlalu seperti biasa. Tidak ada sesuatu yang terjejas atau kurang.

PROGRAM ROHANI

DALAM pada itu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan Program Kerohanian Ambang Tahun Baharu 2024 di Masjid Negara Kuala Lumpur dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya. Sebenarnya itulah cara terbaik menyambut tahun baharu yang selalu dirangkaikan dengan 'azam baharu'.

Kedua-dua program berkenaan perlu diteruskan pada tahun-tahun akan datang. Bukanlah menjadi satu kemestian acara menyambut ambang tahun baharu disogokkan dengan keseronokan dan hiburan yang rendah citra seninya.

Acara sambutan sebelum ini seolah-olah pendekatan dan bentuk acara yang penuh dengan hiburan dan kepestaan adalah satu tradisi yang tidak boleh diubah. Hakikatnya ia menjadi satu tradisi kerana tidak ada yang mengubah pada pendekatan yang lebih besar manfaatnya.

Tambahan pula tahun baharu sebenarnya tidak ada sempadan

fizikal yang memisahkan antara dua titik - sebelum dan selepas itu. Pada 31 Disember dengan 1 Januari sama sahaja. Sama seperti beralihnya Januari ke Februari atau Jun ke Julai.

Malah yang dikatakan 'tahun baharu' itu sendiri tidak bersandarkan pada sesuatu peristiwa atau sejarah yang memungkinkan kita boleh mengambil iktibar daripadanya. Hal itu sangat berbeza dengan tahun baharu Hijrah yang mendokong gagasan berhijrah untuk berubah dalam semua aspek dalam kehidupan.

Berhijrah bukan sahaja membawa maksud bergerak dari satu tempat ke tempat lain, akan tetapi melakukan perubahan yang tentunya lebih baik berbanding sebelumnya. Berubah daripada sikap dan pekerti yang kurang baik pada yang lebih baik.

Maka dengan sebab itu pengumuman Menteri Komunikasi berkenaan sambutan tahun baharu adalah suatu yang baik dan membuka ruang pada manfaat yang lebih besar. Ini satu perubahan pemikiran dalam kalangan pembuat dasar dan wajar diteruskan pada tahun-tahun mendatang.

Sambutan tahun baharu yang diadakan selama ini dilihat tidak memberikan nilai tambah dalam konteks pembinaan peribadi dalam kalangan rakyat. Maka ada atau tidak sama sahaja.

Sebenarnya sambutan tahun baharu hanya ikut-ikutan. Kemudian apabila sudah sebatas ia bertukar seolah-olah menjadi satu tradisi. Apa lagi selepas melihat negara lain menyambutnya dalam suasana yang gilang-gemilang.

Pengisian acara menyambut tahun baharu tidak ada signifikan dengan kehidupan dalam kalangan rakyat. Malah malam tahun baharu juga terus menyaksikan sikap buruk sesetengah dalam kalangan warga kota apabila sampah berselerak dengan banyaknya di Dataran Merdeka.

Saban tahun sikap buruk itu diperlihatkan dengan jelas. Sekalipun sesetengahnya bersungguh-sungguh menyambut kedatangan tahun baharu, akan tetapi tidak pula menjelaskan azam baharu untuk memasukkan sampah ke tempat yang disediakan.

Ketiadaan acara itu menjadikan kita lebih memahami erti musibah yang diuji kepada orang lain. Maka sekiranya ketiadaan acara tahun baharu itu boleh menjadikan kita menjadi lebih mengerti tentang kehidupan, wajarlah terus dijadikan.

Berazam untuk berubah pada yang lebih baik tidak perlu menunggu tahun baharu. Apabila datang kesedaran lakukan sahaja azam itu kerana perubahan yang baik dalam kehidupan boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





WILAYAHKU

Evolusi alat timbang





Alat pengukur terawal dicipta manusia

DIANA AMIR
Foto: SYUQQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI

GANTANG, cupak, kepul dan leng, pastinya alatan timbang dan sukat ini kedegaran asing terutama buat mereka yang lahir selepas tahun 1970-an dan meskipun kebanyakan peralatan timbang dan sukat itu tidak lagi digunakan tetapi ia masih disimpan untuk dijadikan rujukan serta tatapan generasi hari ini.

Menurut Timbalan Pengarah Muzium Negara, **Nor Hanisah Ahmad**, penggunaan alat timbang dan sukat tradisional yang mempunyai pelbagai jenis ini sememangnya sinonim dengan masyarakat dahulu terutama untuk aktiviti harian dan perniagaan.

Berkongsi secara ringkas mengenai sejarah timbang dan sukat, Nor Hanisah berkata alat pengukur adalah antara alat terawal dicipta oleh manusia sejak zaman purba untuk kegunaan harian

sebagai alat ukuran dalam rekaan pakaian, pembinaan tempat, sistem barter, menimbang makanan dan sebagainya.

"Ini menyebabkan orang dahulu mencipta pelbagai kaedah untuk menghasilkan alat timbang dan sukat. Sistem yang seragam bagi berat dan ukuran yang terawal telah dicipta pada abad ke-4 Sebelum Masihi (SM) dan ke-3 SM oleh masyarakat Mesopotamia, Mesir, Lembah Indus dan Elam di Parsi.

"Masyarakat yang tinggal di Tamadun Indus telah menguasai ketepatan dalam mengukur jarak, berat dan masa. Sejarah sistem pengukuran bermula pada Tamadun Indus di mana masih wujud sampel bertarikh seawal 5 SM. Sejak zaman awal lagi masyarakat tamadun ini memberi keutamaan kepada sistem pengukuran yang standard. Ia dicerminkan melalui seni bina pada tamadun tersebut."

"Pembaris yang diperbuat daripada gading telah digunakan pada Tamadun Lembah Indus sebelum 1500 SM di mana penggalian di Lothal (2400 SM) telah menjumpai sebatang pembaris yang ditentukan ukuran kira-kira 1.6 mm, manakala timbangan dacing pertama yang dijumpai pada abad ke-4 SM telah digali dari tapak arkeologi Gandhara dan Amravati di India," ujarnya.

Mengulas lanjut, Hanisah berkata bangsa Melayu terdahulu menggunakan konsep sukatan berdasarkan anatomi badan manusia, pemerhatian terhadap kosmologi dan fenomena alam seperti melihat bayang matahari, pasang surut air serta perubahan musim bagi kegiatan pertanian dan perikanan.

"Kemudian ia beralih kepada penggunaan bahan-bahan di sekeliling mereka seperti kepala, leng, kal dan cupak

untuk menimbang beras padai bagi skala yang lebih kecil. Kemasukan pedagang Arab telah memperkenalkan unit sukatan gantang dan bahara manakala unit timbangan seperti kati, tahil dan pikul diambil daripada pedagang China.

"Bagi timbangan emas dan perak pula, masyarakat Melayu telah mengambil unit timbangan daripada pedagang India seperti saga, mayam dan bungkal. Apabila pengaruh Inggeris sampai ke alam Melayu, muncul sukatan baharu seperti paun (*pound*) yang berasal dari istilah Latin iaitu pendre bermaksud timbang dan simbolnya lb iaitu singkatan daripada perkataan libra yang bermaksud dacing.

"Unit gelen (*gallon*) yang berasal dari istilah Roma iaitu galeta yang bermaksud sebaloi penuh pula digunakan untuk menyukat isi padu cecair manakala unit ekar (*acre*) daripada perkataan lama

Saxon," jelasnya sesuatu bangsa yang bertamadun mempunyai unit sukatannya yang tersendiri.

Hanisah berkata semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka, sistem timbang dan sukat seperti kati, tahil dan bahara telah diperkenalkan dan dipertanggungjawabkan kepada Syahbandar.


"Ketika itu, sistem kati dan tahil digunakan untuk menimbang beras, damar dan bahan rempah ratus seperti lada, bunga cengkeh dan lada hitam. Manakala, sistem bahara pula digunakan untuk menimbang emas dan perak," katanya.

SISTEM UKURAN BAHARU

MENGIKUTI peredaran zaman, Nor Hanisah berkata jika dahulu penggunaan kaedah timbang sukat adalah dari sistem imperial tempatan, ia kemudian berubah kepada sistem metrik yang lebih tepat serta seragam mengikut



NOR HANISAH (tengah) menunjukkan replika jam suria.



PENGUNJUNG berpeluang mempelajari sejarah dan kegunaan alatan yang dipamerkan.



piawaian sejagat menggunakan sistem unit antarabangsa (SI) bermula 1 Januari 1982.

"Metrologi ditakrifkan sebagai sains dan aktiviti berkaitan pengukuran sama ada mengenai berat, jarak, saiz, sudut, gelombang, getaran dan sebagainya. Pemahaman sains pengukuran yang pelbagai telah membawa kepada pembentukan sistem pengukuran baharu.

"Tujuan ciptaan sistem pengukuran bagi setiap tamadun adalah untuk membolehkan manusia menilai kuantiti dan kandungan sesuatu bahan dengan lebih sistematik. Ia diperkenalkan bagi menggantikan pelbagai unit timbangan imperial dan timbangan tempatan yang mengelirukan dan tidak seragam.

"Generasi kini sudah tidak mengenal alat timbang dan sukat seperti ling, kunca, nalih, cupak, gantang, pikul, koyan, tahil, kati, aun dan paun. Kini, masyarakat hanya

mengenal unit timbang dan sukat seperti milligram, gram, kilogram, mililiter, liter, meter, kilometer dan sebagainya.

"Evolusi peralatan timbang dan sukat juga semakin mudah dan canggih melalui penciptaan peralatan timbang dan sukat digital. Bagaimanapun, sistem pengukuran timbang dan sukat tradisional tetap dipelihara sebagai sebuah pembangunan sosiobudaya daripada ketamadunan manusia yang berharga," jelasnya.

Kongsinya lagi antara objektif Akta Timbang dan Sukat 1972 adalah untuk mengawal selia alat timbang dan sukat.

Terdahulu, Jabatan Muzium Malaysia mengadakan Pameran Timbang & Sukat: Kearifan Metrologi yang bermula pada 31 Oktober 2023 sehingga 24 Januari 2024 bertempat di Muzium Negara, Kuala Lumpur buat pengunjung merungkai sejarah peralatan berkenaan. **WK**



ANTARA alatan timbang dan sukat yang digunakan pada zaman dahulu sehingga kini bagi mengukur isi padu, barang dan sebagainya.

Gantang masih relevan

HAZIRAH HALIM

SUATU ketika dahulu, gantang merupakan alat sukatan dan pertukaran yang dijadikan sebagai alat penyukat rasmi. Ia digunakan oleh pedagang-pedagang Arab untuk menjalankan urus niaga aktiviti jual beli beras di tanah Melayu termasuklah di desa.

Lazimnya, gantang diperbuat daripada kayu seperti mana cupak yang biasanya diperbuat daripada tempurung kelapa yang besar. Bagaimanapun, penggunaan gantang ini dikatakan telah digunakan secara meluas oleh masyarakat terdahulu bahkan sehingga kini.

Bagaimanapun, sistem timbang dan sukat melalui ukuran gantang telah berubah sejak negara memperkenalkan sistem metrik pada tahun 1972 di mana ia diguna pakai oleh masyarakat Islam sebagai rujukan untuk membayar zakat dan fidyah berdasarkan nilai semasa dalam unit kilogram (kg) beras yang dijual.

Timbalan Pengarah Muzium

Negara merangkap Penyelidik Pameran Timbang dan Sukat, **Nor Hanisah Ahmad** berkata di era masa kini, gantang tidak lagi digunakan untuk aktiviti perdagangan kerana nilai unit metriknya sudah berubah dan tidak mengalami keseragaman.

"Masa kini, gantang tidak sesuai digunakan untuk bermiaga kerana ketidakseragaman nilai dan berlakunya perubahan kepada cara hidup masyarakat.

"Namun begitu, ia masih digunakan di negara sebagai pembayaran fidyah di mana Malaysia mempunyai dua gantang yang diiktiraf dan disahkan oleh Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) dan SIRIM.

"Ia adalah Majlis Agama Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam Terengganu. Secara asasnya, anggaran sukatan satu gantang jika ditukar ke unit metrik adalah bersamaan 3.6 kg," katanya.

Jelas Hanisah, penggunaan gantang dalam kalangan masyarakat dahulu amat penting dan bermanfaat malah kehidupan



30 koleksi gantang dalam pelbagai jenis saiz, berat dan nilai dipamerkan di perkarangan pameran tersebut.

mereka sangat harmoni, tidak bergaduh walaupun nilai gantang tersebut tidak sama.

"Cara hidup masyarakat dahulu menggunakan sistem sara diri, apa yang diperlukan dan berapa banyak yang hendak kita tukar. Namun pertukaran tersebut mestilah berdasarkan persetujuan," jelasnya.

gantang digunakan sebagai alat pertukaran sahaja.

Menurut Hanisah, sempena Pameran Timbang dan Sukat,

pihaknya menampilkan 30 koleksi gantang dalam pelbagai jenis saiz, berat dan nilai yang diletakkan di tengah-tengah galeri pameran tersebut.

"Tujuan saya meletakkan gantang ini di tengah-tengah sebab saya nak tunjukkan ketidakseragaman 30 gantang yang mana semua tidak sama berat, saiz dan nilai."

"Saya suka tunjukkan gantang kerana ia merupakan sistem terawal dan salah satu bukti bertapaknya

Islam. Selain itu, ia juga boleh menambah ilmu pengetahuan kepada masyarakat khususnya generasi muda untuk mengetahui khazanah warisan negara," ujarnya.

Dalam peribahasa Melayu, penggunaan gantang di dalam ayat menggambarkan tentang maksud tersirat yang hendak ditujukan kepada seseorang misalnya melukut di tepi gantang, menggantang anak ayam, penuh sudah bagi menggantang dan sebagainya. **WK**

Zaliha optimis selesai masalah legasi

DARI MUKA 3

SEJAK diamanahkan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa telahpun menyusun langkah demi memastikan warga Wilayah Persekutuan terus mendapat pembelaan sewajarnya.

Meskipun usia perkhidmatannya baru mencecah dua minggu, beliau sudah pun menggariskan perancangan serta menetapkan keutamaan dalam mencari penyelesaian masalah warisan yang memerlukan penyelesaian tuntas agar ia tidak berbangkit lagi pada masa depan.

Sebagai *iron lady* yang merupakan wanita pertama menjaga tiga Wilayah Persekutuan, beliau tidak melihat ia sebagai beban sebaliknya telahpun membuat perancangan demi meningkatkan taraf kehidupan rakyat selari dengan aspirasi Malaysia Madani yang digagaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga pendahulunya.

Dalam wawancara eksklusif bersama dengan Wartawan Kanan *Wilayahku*, AZLAN ZAMBRY bersama dengan jurufoto MOHD SHUAIB AYOB dan juruvideo AMINULLAH FARIJ HASSAN di pejabat beliau, Zaliha berkongsi aspirasi dan bertekad untuk meningkatkan keupayaan Wilayah Persekutuan dari segenap segi sekali gus meningkatkan lagi imejnya di peringkat antarabangsa.

Apa pandangan Dr mengenai protfolio baharu ini?

Tentunya bila berlaku rombakan Kabinet yang sebelum ini saya sebagai Menteri Kesihatan di mana saya sendiri dilatih sebagai sebahagian daripada sistem kesihatan sebelum ini, jadi ada satu nilai tambah. Terdapat beberapa perkara yang kita boleh lihat dan perjuangkan atas portfolio baharu ini dan sudah tentu sebagai bekas Menteri Kesihatan yang ditugaskan menjaga Wilayah Persekutuan, ia adalah satu perkara baharu.

Saya mengambil ini sebagai satu tanggungjawab dan yang keduanya adalah cabaran yang baharu kerana di jabatan yang tidak mempunyai menteri hampir setahun, jadi saya dapat merasakan ada cabaran yang perlu saya tangani dan mengambil alih tugasan yang sebelum ini dipegang oleh Perdana Menteri sendiri. Sudah tentu terdapat perkara-perkara yang perlu saya bawa selari dengan visi dan misi Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kita memacu Wilayah Persekutuan.

Saya lihat juga Wilayah Persekutuan ini satu portfolio yang unik, walaupun ia boleh dikatakan sebagai sebuah negeri yang meliputi tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tetapi tanggungjawab untuk menjaga tiga Wilayah Persekutuan ini sangat besar kerana saya lihat Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara yang bermaksud membawa imej yang besar untuk Malaysia. Apa yang kita lihat di Kuala Lumpur di bawah pentadbiran baharu Kerajaan Madani.

Yang keduanya adalah Putrajaya yang menempatkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan. Sudah tentu dengan statusnya, ada jangkaan berbeza daripada orang ramai mengenai bandar ini dan yang terakhir adalah Labuan yang dikenali sebagai mutiara Borneo, sudah pasti ada jangkaan tertentu mengenai pembangunan

di kawasan berkenaan kerana pulau itu mempunyai potensi yang berbeza dan Datuk Seri Anwar juga telah pergi ke Labuan dan memberikan komitmen untuk memajukan semula Labuan menjadi hab ekonomi dan pelancongan yang akhirnya menyumbang kepada ekonomi negara.

Selain daripada aspek pembangunan fizikal seperti di Kuala Lumpur, apakah lagi perkara yang menjadi fokus Dr untuk memajukan ketiga-tiga wilayah ini?

Saya ingin perbetulkan sedikit persepsi itu, sebenarnya selepas dua minggu berada di Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan mendengar taklimat daripada agensi-agensi di bawah JWP, saya nampak memang ada kebenaran bahawa pembangunan di Kuala Lumpur ini sudah agak tepu tetapi sebenarnya aspek pembangunan ini boleh dipertingkatkan lagi.

Contohnya Pembangunan Semula Kampung Baru yang dirancang untuk mewujudkan perbandaran baru yang turut mengandungi potensi lain yang boleh dibangunkan. Selain itu, tempat-tempat lain atau istilahnya *pockets* dalam bandar raya ini yang boleh dimaksimakan pembangunan dari sudut fizikal.

Kemudian Putrajaya, sudah tentu sebagai pusat pentadbiran yang mempunyai pelan utama sebagai bandar terancang turut mempunyai potensi lain yang boleh dibangunkan manakala Labuan pula dilihat agak ketinggalan dari aspek pembangunan fizikal dan saya lihat ada banyak ruang-ruang yang boleh dimanfaatkan. Untuk membangunkan sesebuah kawasan ada beberapa perkara yang perlu kita lihat terutama sosioekonomi kerana kita perlu membawa aspirasi Perdana Menteri yang mahu menutupkan kemiskinan yang mesti dijadikan keutamaan.

Ketika saya mendengar taklimat dari agensi yang berkaitan, saya melihat tidak ada keseimbangan contohnya di Labuan memang diakui ia mempunyai potensi untuk lebih maju namun pada masa sama, kos sara hidup di pulau itu sangat tinggi yang menyebabkan ketidakseimbangan kerana kita masih ada golongan miskin dan miskin tegar di pulau berkenaan. Begitu juga dengan Kuala Lumpur, walaupun dipenuhi dengan bangunan pencakar langit dan kos sara hidup yang tinggi, namun kita masih perlu mencari jalan untuk menangani masalah miskin dan miskin tegar yang saya fikir perlu diatasi terlebih dahulu sebelum disusuli perkara lain.

Wilayah Persekutuan ini tidak lepas dari belenggu miskin bandar, apakah tindakan susulan Dr untuk menguruskan masalah tersebut?

Bagi saya kita kena rujuk semula dengan pendirian kerajaan. Kerangka Ekonomi Madani yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun lalu boleh dijadikan panduan dalam menguruskan masalah tersebut. Apa yang paling utama dalam menguruskan masalah ini mestilah kita fikirkan kaedah penyelesaian dengan istilah berikan pancing dan bukannya ikan.

Saya juga lebih gemar untuk melaksanakan program yang bersifat *exit* program. Sudah tentu pada peringkat awal, golongan ini perlu dibantu tetapi berapa lama perlu dibantu, maka kerajaan mesti sediakan program yang jelas agar mereka ini dapat berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan dan ia mestilah mampu dikekalkan sekali gus mereka tidak lagi kembali menjadi golongan miskin.

Melalui pendekatan ini, saya yakin ia tidak mustahil dilaksanakan dan dengan apa yang diberikan oleh kerajaan contohnya Perumahan Madani, ini merupakan satu cara untuk membantu rakyat kerana mereka perlu hidup selesa dan banyak perkara yang kerajaan telah lakukan untuk memenuhi perkara ini. Saya juga mempercayai pendekatan secara *whole nation, whole society* kerana ia melibatkan sebuah negeri dan kita punya pelbagai kementerian dan agensi yang mesti bekerjasama.

Apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak jabatan untuk membangunkan imej Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan?

Perlu difahami bahawa bajet tahunan untuk Wilayah

Persekutuan tidak tinggi dan pada masa sama kita perlu menjaga imej Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan kota metropolitan yang menjadi tumpuan pelancong antarabangsa. Begitu juga Putrajaya dan Labuan yang mempunyai imej tersendiri. Jadi setelah mengambil kira semua faktor tersebut, dengan bajet tahunan yang terhad dan untuk menghindari budaya kerja secara *silo*, saya yakin kita mampu membangunkan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan bantuan bajet dari kementerian-kementerian lain.

Saya tidaklah terlalu bercita-cita tinggi, tetapi dalam membawa kemakmuran dan keselesaan untuk warga Wilayah Persekutuan, saya yakin ada kaedah untuk mempermudahkan perancangan untuk masa depan. Setakat dalam tempoh dua minggu saya mendengar taklimat, saya dapat mengenal pasti ruang-ruang yang boleh dimanfaatkan untuk mencapai sasaran.

Sebagai seorang wanita pertama yang diangkat sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, bagaimana kaedah untuk menguruskan perbezaan pendapat khususnya soal pembangunan dan kelangsungan hidup warga kota yang menatijahkan serangan berbaur politik terhadap Dr?

Saya selalu mengambil sesuatu tanggungjawab itu sebagai cabaran. Keduanya di sebalik perkara yang berlaku mesti ada aspek positif, mengapa ada orang yang bising? Mengapa ia menjadi bahan lensa media? Perkara yang dibawa itu tidak semuanya buruk, mungkin adalah sesetengah yang mungkin sengaja memperbesarkan perkara yang kecil dan tetapi bagi saya, ia terpulang kepada individu itu, mereka mempunyai hak untuk mengekspresikan apa jua pendapat tetapi kita perlu bijak





ZALIHA (tiga kanan) optimis pembangunan di Putrajaya akan meningkatkan lagi imej bandar raya ke arah lebih berdaya huni dan vibrant sekali gus mampu menarik kedatangan pelancong. Foto: FARIS AZMI/PP

untuk mengambil perkara yang menjadi keutamaan untuk diselesaikan segera. Bagi saya untuk mentadbir Wilayah Persekutuan ini mesti mempunyai keutamaan.

Walau apapun yang orang sebut tentang sesuatu perkara, saya suka letakkan diri saya begini, seperti yang kita tahu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mempunyai masalah warisan yang tidak dapat diselesaikan dalam pentadbiran yang lalu. Masalah warisan ini yang akan menjadi fokus orang ramai memandangkan kerajaan baharu dan menteri baharu, adakah mereka mampu selesaikan atau tidak kerana ia menjadi keutamaan orang ramai.

Antara fokus Dr adalah untuk menyelesaikan masalah warisan yang tertangguh sejak sekian lama, bolehkah

nyatakan masalah tersebut?

Antara masalah warisan yang perlu saya uruskan adalah isu melibatkan Kampung Setia Jaya di Wangsa Maju yang menghadapi pengusiran untuk pembangunan kampus Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan ia telah berlanjutan 30 tahun. Ia merupakan masalah warisan yang boleh diselesaikan dan kita hendak jadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang terus membangun.

Isu ini sudahpun berlanjutan lama dan saya sebagai menteri mesti meletakkan keutamaan termasuklah bertemu dengan penduduk untuk mendengar rintihan mereka, selain itu saya turut bertemu dengan pemegang taruh yang lain termasuklah pihak Kolej Tuanku Abdul Rahman (TAR) itu sendiri dengan bermaksud mesti ada jalan penyelesaian bersama dengan keazaman politik dan will power.

Ada juga beberapa masalah yang tidak dapat diselesaikan disebabkan isu politik. Dan ini yang perlu diketepikan dalam keadaan kita hendak membangunkan Wilayah Persekutuan dan pembangunan yang hendak dipertingkatkan lagi, ia ini memang tidak boleh dipolitikkan kerana ia akan merugikan rakyat dan negara. Selain itu, masalah kebanjiran warga asing dan pembangunan Kampung Baru juga antara masalah yang perlu ditangani dengan sokongan semua pihak.

Dr ada menyebutkan mengenai isu yang membenggu Kampung Setia Jaya dan pertemuan telahpun diadakan di antara kedua belah pihak, bolehkah Dr perincikan melalui garis masa bilakah masalah ini akan diselesaikan secara one and for all?

Sudah pasti saya hendak perkara ini diselesaikan segera dan kalau boleh dalam minggu ini. Namun untuk masalah seperti ini, kita terikat dengan birokrasi dan perlu melalui proses yang telah ditetapkan. Menerusi perbincangan dengan wakil Kolej TAR, mereka juga ada menyatakan beberapa perkara yang menjadi perhatian. Ada juga beberapa perkara yang menjadi perhatian penduduk di situ. Jadi kita perlu mengambil jalan tengah sebagai kerajaan untuk memudahkan kedua-dua belah pihak serta menawarkan jalan penyelesaian secara menang-menang untuk mereka pertimbangkan.

Kita telah dapat tahu melalui keputusan mahkamah yang mereka perlu keluar dari kawasan itu dalam tempoh 18 bulan dan penduduk kata tidak mungkin dan agak sukar bagi mereka dan kita ambil jalan tengah. Dan sekiranya Kolej TAR ingin membantu dari

aspek penempatan semula, saya menjangkakan ia mungkin mengambil masa dari dua hingga tiga tahun untuk selesai.

Sebab itu, walaupun keputusan mahkamah telahpun ada, saya minta kepada pengurusan Kolej TAR untuk mempertimbangkan supaya penduduk yang terjejas mempunyai masa untuk mendapatkan penempatan baharu sekali gus dapat menutup ruang kepada mana-mana pihak yang mahu menjadikan ia sebagai isu politik. Saya sangat berharap, untuk penempatan baharu itu dapat diselesaikan.

Operasi menggempur penempatan yang dijalankan di Jalan Silang baru-baru ini mendapat perhatian dan sokongan daripada pelbagai pihak, bagaimana pula dengan kawasan lain yang turut menghadapi dilema yang sama?

Selepas daripada operasi tempoh hari, kita minta supaya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA) telah datang dan memberi taklimat mengenai keputusan operasi tersebut. Apa jua situasi dan solusi yang kita mahukan, kita perlu merujuk kepada fakta iaitu dari sudut data dan sebagainya. Sebab itu saya panggil untuk mereka menerangkan terperinci mengenai operasi berkenaan dan akhirnya kita perlu beri penyelesaian yang bertepatan dengan data-data yang kita ada.

Ada sesetengah keadaan ia hanya sekadar sangkaan semata-mata misalnya operasi itu digembar-gemburkan sebagai 'Mini Dhaka', walhal ia bukan menjadi tumpuan warga Bangladesh sahaja, bahkan ada dari Myanmar dan Filipina dan ini adalah perkara-perkara yang perlu kita lihat secara terperinci.

‘Saya juga lebih gemar untuk melaksanakan program yang bersifat exit program. Sudah tentu pada peringkat awal, golongan ini perlu dibantu tetapi berapa lama perlu dibantu, maka kerajaan mesti sediakan program yang jelas agar mereka ini dapat berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan dan ia mestilah mampu dikenalkan sekali gus mereka tidak lagi kembali menjadi golongan miskin.


Saya berharap kaedah yang sama perlu diguna pakai untuk tempat-tempat yang lain. Sudah tentu melalui mata kasar, kita dapat lihat lambakan warga asing yang menguasai beberapa kawasan di Kuala Lumpur ini dan kesannya mestilah ada. Saya harap kita dapat maklumat yang terperinci dan tepat supaya hasil operasi ini mestilah tepat seperti yang kita mahukan.

Bagi saya di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur Utara, cerita-cerita yang kita dengar warga asing menguasai kawasan itu, namun adakah fakta itu tepat dengan cerita yang digembar-gemburkan itu. Apa yang perlu dilakukan dan pasti yang akhirnya mestilah dalam situasi yang sihat. WK



IMBAS
KOD QR
UNTUK
MENONTON
VIDEO





LEGENDA rock, Datuk Ramli Sarip menyanyikan lagi Sambutan Kuala Lumpur Berselawat sempena Ambang Tahun Baru 2024 dengan lagu-lagu islamik.

Alunan selawat pembuka tirai 2024

HASIF HALIMI
Foto: FAIRUZ MUSTAFFA / UNIT
FOTO DBKL

SAMBUTAN Kuala Lumpur Berselawat yang julung kali diadakan di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 31 Disember lalu berjaya menghimpunkan ribuan pengunjung.

Program yang bertujuan

menyambut kedatangan ambang tahun baharu itu disusun indah dengan acara kerohanian seperti tausiah dan qasidah khas daripada Pencetus Ummah, Raihan dan acara maulid oleh kumpulan pemuzik terkenal, Haqqani Mawlid Ensemble.

Dalam masa yang sama, acara turut diserikan oleh persembahan lagu ketuhanan daripada penghibur legenda Datuk Ramli Sarip selain penyanyi Bienda dan Syafiq Farhain.

Persembahan diringi Orkestra DBKL yang dianggotai 21 pemuzik mengalunkan lagu Raikan Cinta, Gerhana Cinta Luka, Suci Dalam Debu, Satu Kesan Abadi, Renungkanlah, Nyanyian Serambi dan juga Kau Yang Satu.

Rata-rata pengunjung meluahkan rasa gembira dan bersyukur dengan program berbentuk islamik yang penuh keberkatan dalam menutup tirai tahun 2023. **WK**





PENGUNJUNG yang hadir turut sama berselawat dalam Sambutan Kuala Lumpur Berselawat anjuran DBKL.



AMIR (kiri) bersama Pengasas Think Osem Sdn Bhd, Datuk Abdul Radzeen Abdul Rahman.



SEKITAR majlis pelancaran Think Quran di The Curve, Damansara tahun lalu.



700,000 pengguna aplikasi Think Quran

AINI MAWAWI

UMAT Islam sepatutnya bukan hanya sekadar membaca ayat-ayat Al-Quran sahaja, tetapi juga perlu memahami isi kandungan ayat-ayat suci tersebut dengan lebih mendalam.

Namun pada hari ini, yang menjadi masalah besar, tidak semua mereka yang membaca Al-Quran faham ayat yang terkandung dalam kitab suci tersebut melainkan merujuk terjemahannya.

Bagi memastikan umat Islam mampu memahami kandungan Al-Quran tanpa asas Bahasa Arab, aplikasi Think Quran adalah jawapan kepada permasalahan yang membelenggu ramai sejak beratus tahun dahulu.

Menggunakan aplikasi teknologi kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *artificial intelligence* (AI) yang popular ketika ini, ia merupakan merupakan satu-satunya aplikasi belajar bahasa Arab Al-Quran yang pertama seumpamanya di dunia.

Menurut Pengarah Think Quran, **Amir Hassan** aplikasi tersebut memecahkan sejumlah 77,429 perkataan yang ada dalam Al-Quran menjadi 1,001 perkataan yang paling banyak diulang dalam kitab tersebut.

"Apabila mendengar perkataan yang sama diulang-ulang ketika belajar dan buat latih tubi berulang kali menggunakan aplikasi tersebut, maka pada akhirnya mereka akan ingat perkataan itu dan mudah memahami maksud ayat di dalam Al-Quran," ujar beliau.

Berita lanjut tentang penubuhan aplikasi tersebut pada pertengahan tahun 2022, Amir berkata idea tersebut tercetus ketika negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19.

"Ketika itu, kita lihat ramai yang kecundang dalam hidup dan tidak kurang juga ramai yang mencari sesuatu dalam diri. Salah satunya adalah kembali kepada Al-Quran sebagai

pegangan. Jadi, tidak hairanlah ketika itu banyak kelas mengaji dalam talian dibuat.

"Daripada situ kita cari jalan bagaimana untuk memahami dengan cara yang mudah kerana semua sedar untuk mempelajari bahasa Al-Quran ini bukan senang. Ramai yang belajar separuh jalan kemudian kecundang.

"Dalam masa yang sama, kita ambil iktibar bagaimana orang asing yang datang ke Malaysia hanya mengambil masa tiga bulan sahaja untuk menguasai bahasa Melayu. Apabila dikaji semula, mereka ini bermula daripada belajar perkataan atau kosa kata dan daripada situ mampu dikembangkan menjadi ayat," jelas beliau.

Bermula daripada situlah, ilham untuk mewujudkan aplikasi pendidikan, Think Quran di bawah Syarikat Think Osem Sdn Bhd terlaksana sekali gus membantu masyarakat mengetahui kepentingan membaca Al-Quran dalam bahasa Arab.

Tambah beliau, sehingga kini, aplikasi Think Quran mempunyai empat bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Indonesia, bahasa Turki dan terdapat tujuh lagi bahasa yang masih dalam proses pembangunan.

"Alhamdulillah dalam tempoh satu tahun lima bulan kita telah pun mempunyai empat bahasa dan misi kita pada masa akan datang adalah untuk mempunyai 20 sehingga

25 bahasa utama dunia dalam aplikasi ini," ujar beliau yang juga merupakan penulis blog *denaihati.com*.

Berita lanjut tentang Think Quran yang menggunakan sistem *affiliate* ini, Amir berkata aplikasi tersebut telah pun dimuat turun secara percuma oleh 700,000 pengguna seluruh dunia sementara 36,000 pengguna lagi secara berbayar.

"Bagi pengguna berbayar mereka boleh mengakses kepada 1,001 perkataan yang paling banyak diulang dalam Al-Quran selain berpeluang menikmati pelbagai keistimewaan lain berbanding 100 patah perkataan bagi mereka yang memuat turun secara percuma.

"Dalam masa

yang sama, misi kita adalah memperoleh 100 juta pengguna berbayar. Memandangkan Think Quran merupakan satu-satunya aplikasi belajar bahasa Arab Al-Quran dalam dunia ini jadi saya rasa itu tidak mustahil untuk dicapai," ujar beliau berharap aplikasi ini membantu menguatkan ekonomi Muslim.

Mengulas lanjut tentang sistem *affiliate*, beliau berkata harga untuk menjadi pengguna berbayar adalah serendah RM399 seumur hidup

namun boleh didapati dengan harga diskon sebanyak RM100 melalui pengedar yang sah.

"Kita membantu usahawan Think Quran di mana mereka boleh sebarkan *link* ini sebanyak mana kepada orang ramai. Kita memberi sehingga 70 peratus komisen kepada usahawan kita,"

ujar beliau Think Quran berjaya merangkul The BrandLaureate Digitech Best Brands Award 2023.

TAWAN PENGGUNA INDONESIA

MEMANDANG ke hadapan, pada tahun ini, fokus utama Think Quran adalah untuk menawar pengguna di Indonesia memandangkan negara seberang tersebut mempunyai seramai 230 juta penduduk yang beragama Islam.

"Pasaran di sana besar dan *insya-Allah* kita akan cuba yang terbaik untuk mengembangkan lagi aplikasi ini. Dalam masa yang sama, kita juga akan merealisasikan penambahan sebanyak tujuh bahasa dalam aplikasi tersebut.

"Bagi menguatkan lagi sokongan sistem untuk keusahawanan Think Quran, kita juga turut menyediakan kelas secara dalam talian kepada mereka setiap hari di mana kelas tersebut dijalankan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Aplikasi ini juga tidak lama lagi akan boleh dimuat turun melalui Google Play dan App Store," ujar beliau.

Think Quran kini mempunyai 5,000 usahawan berdaftar di seluruh dunia.

WK



PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY

YWP manfaat dana Tabung Kebajikan dan Pelajaran

Tujuh keluarga B40 terima bantuan one-off

HAZIRAH HALIM

PENGARAH urusan Syarikat Tahap Warisan Sdn Bhd, **Datuk Tong Kim Eng** berpuas hati dengan pelaksanaan serahan sumbangan dan bantuan yang dilaksanakan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terhadap warga kota yang memerlukan.

Beliau yang merupakan penyumbang utama Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP berasa teruja apabila turut diberi peluang menyampaikan sumbangan kepada penerima-penerima di samping menyelami kesusahan yang ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah (B40).

“Saya sangat gembira kerana diberi jalan dan peluang untuk menyampaikan sendiri sumbangan kepada mereka. Semoga saya dapat memberi dan menyalurkan sumbangan tersebut melalui YWP pada masa hadapan,” katanya kepada pemberita selepas Sesi Penyerahan Sumbangan Bantuan Khas YWP di Bangunan Giatmara Batu, Jalan Batu Muda, baru-baru ini.

Pada sesi tersebut, sumbangan



GULAM (empat dari kanan) ketika sesi serahan sumbangan di Bangunan Giatmara Batu, Jalan Batu Muda. Turut sama, KIM Eng (empat dari kiri).

one-off berupa wang tunai diberikan kepada tujuh penerima keluarga B40 di sekitar kawasan Parlimen Batu dan sumbangan disampaikan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP iaitu Gulam Muszaffar Gulam Mustakim dan Rohani Hussin serta Pengarah Eksekutif Oval Success Sdn Bhd, Datuk Zaidi

Ujang.

Mengulas lanjut, beliau turut meyakini dan percaya bahawa YWP akan melaksanakan segala misi yang ditetapkan seiring dengan gerak kerja yang tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) serta tidak

menolak untuk melakukan sebarang kerjasama bersama YWP dalam program-program kebajikan lain pada masa akan datang.

Untuk rekod, Syarikat Tahap Warisan Sdn Bhd merupakan penyumbang dana terbesar dalam Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP yang mana pihaknya telah

menyumbang sebanyak RM1 juta.

Sementara itu, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim syukur apabila sumbangan kepada tujuh penerima tersebut dapat disempurnakan sebaiknya.

Gulam berkata penyerahan bantuan atau sumbangan yang dilaksana oleh YWP adalah tertumpu kepada individu dan keluarga yang benar-benar memerlukan selain mengikut kriteria yang ditetapkan.

“Agihan bantuan YWP adalah berdasarkan kriteria kes yang melihat kepada aspek bentuk dan keperluan sumbangan atau bantuan yang diperlukan oleh individu atau keluarga berkenaan.

“Kebiasannya rakan strategik dan kakitangan YWP akan turun padang untuk membuat tinjauan dan setiap sumbangan yang diberi majoritinya adalah dalam kalangan B40. Proses pemberian sumbangan ini ringkas sahaja misalnya kalau mereka perlukan sumbangan perubatan, nyatakan dokumen hospital dan keperluan yang diperlukan kemudian kita proses dalam tempoh dua minggu dan seterusnya serahan dilaksanakan,” jelasnya. WK

Konvoesyen Cilik bentuk motivasi murid

DIANA AMIR

UNIVERSITI Malaya (UM) meraikan 36 murid-murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) 1 Selayang Baru, Batu Caves, Selangor menerusi sebuah program unik yang diadakan di Dewan Tunku Canselor, UM baru-baru ini.

Menurut Guru Besar SK 1 Selayang Baru, Mohd Rizal Rais, meskipun program tersebut diadakan secara ringkas namun ia meninggalkan kesan mendalam buat kesemua pelajar.

“Menerusi Program Konvoesyen Cilik, para pelajar diraikan seperti seorang graduan universiti, dengan memakai topi *mortarboard* dan menerima skrol di atas pentas setelah nama mereka dipanggil satu persatu, persis di majlis konvoesyen sebenar.

“Walaupun hanya dibuat secara ringkas, saya gembira melihat riak wajah anak-anak ini yang sangat teruja menerima gulungan skrol di atas pentas dewan tersohor ini. Kebanyakan daripada mereka merupakan anak-anak yatim dan asnaf, jadi peluang sebegini pastinya akan meninggalkan kesan yang mendalam di dalam diri mereka,” ujarnya program tersebut turut menampilkan perarak-perarak yang melibatkan ‘Dekan’ dan ‘Pengurusan Tertinggi’ universiti yang dilakukan oleh mahasiswa UM daripada pelbagai latar belakang fakulti.

Mohd Rizal yakin impak motivasi kepada para pelajar adalah sangat besar dan diharapkan kerjasama

kedua belah pihak ini dapat diteruskan dalam program-program lain pada masa hadapan, demi mendekati anak-anak ini yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) dan miskin bandar.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UM, Profesor Madya Ir Dr Nahrizul Adib Kadri turut menekankan kepentingan kepada anak-anak murid SK 1 Selayang Baru untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam apa juga bidang yang diceburi.

“Kejayaan bukan hanya diukur dari sejauh mana kemampuan kita untuk melanjutkan pelajaran, namun yang lebih penting adalah iltizam untuk menjadi insan yang berguna.

“Saya bersyukur program yang julung kali diadakan ini berjaya dilaksanakan walaupun dalam masa yang singkat dan sangat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

“Walaupun terkekang dengan kesibukan musim konvoesyen, namun program kemasyarakatan yang berhasrat untuk membina motivasi murid-murid sekolah ini berjaya dilaksanakan,” katanya yang melakonkan watak Pro Canselor di dalam program tersebut.

Terdahulu, program yang buat pertama kalinya telah memasyarakatkan sebuah istiadat konvoesyen di sebuah universiti awam ini turut dijayakan oleh Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia (YATIM). WK



SALAH seorang pelajar menerima skrol di Konvoesyen Cilik anjuran UM.

UNITEN dan UIS bentuk duta sumber air

SERAMAI 65 peserta terpilih dilatih untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat demi menghargai kepentingan air dan alam sekitar menerusi Program Water Awareness Camp for Future Leaders 2023 (WACFL 2023).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNITEN, Profesor Madya Dr Abdul Aziz Mat Isa, ia merupakan program kali ketiga yang dianjurkan oleh pihaknya dengan kerjasama Universiti Islam Selangor (UIS) dan UNESCO-IHP Malaysia.

“Program seperti ini adalah bertujuan untuk mendidik peserta agar menjadi agen perubahan dalam masyarakat demi menghargai kepentingan air dan alam sekitar.

“Para peserta terdiri daripada 33 orang pelajar UNITEN dan 32 pelajar UIS daripada pelbagai latar belakang, berpeluang menyelesaikan enam modul yang merangkumi aspek kualiti air, pengurusan sumber air, pemantauan sungai, penuaan air hujan, biodiversiti sungai dan tenaga boleh diperbaharui daripada air,”

ujarnya setiap modul program melibatkan pelbagai kaedah interaktif dan pembentangan berkumpulan.

Tambahnya, program yang berlangsung di Semenyih Eco-Venture Resort and Recreation, Selangor itu adalah contoh sebuah kerjasama komprehensif antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi kerajaan dalam memastikan kesedaran air terus dipromosikan dalam kalangan generasi muda.

“Saya gembira melihat pelajar universiti diberi tanggungjawab sejak awal untuk melestarikan sumber air. Program seperti WACFL 2023 adalah langkah positif untuk membentuk pemimpin masa depan yang peka terhadap isu-isu alam sekitar,” katanya.

Abdul Aziz berkata program ini membantu peserta menerapkan nilai-nilai murni melalui kaedah pembelajaran luar kelas yang interaktif.

“Diharapkan program seperti ini akan terus memberi kesan positif dan menjadi inspirasi untuk usaha-usaha mendidik kesedaran air dalam kalangan generasi muda,” katanya. WK

Usah menyakiti orang lain dalam beragama

ISLAM merupakan agama yang damai dan selamat. Ia bukan sahaja menyelamatkan umat daripada kesesatan di dunia malah menyelamatkan manusia di hari akhirat kelak. Perdamaian dan keselamatan yang ditawarkan Islam ini secara relatif singkatnya, ia telah berjaya menembusi seluruh pelosok dunia.

Senario ini selari dengan hakikat bahawa Nabi SAW sendiri diutuskan sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam. Baginda merupakan contoh teladan yang terbaik bagi seorang Muslim. Akhlak Baginda yang mulia dan ketegasan dalam kelembutan menjadikan Islam diterima baik oleh masyarakat sekitar.

Dalam khasanah perbendaharaan yang diwariskan sebagai pusaka kepada umat Islam, terdapat banyak contoh bagaimana teladan Baginda dalam berinteraksi dengan umat Islam mahupun bukan Islam. Baginda telah tegaskan: *Aku telah tinggalkan buat kalian dua perkara yang kalian tidak akan sesat selama-lamanya selagi mana kalian berpegang pada keduanya iaitu kitab Allah dan Sunnah Nabi Nya (HR Malik).*

Sebagai umat Islam, teladan ini sewajarnya menjadi panduan dalam kehidupan harian. Manusia akan selamat dengan petunjuk yang diwariskan daripada Rasulullah SAW. Formulanya, semakin manusia beriman dengan Allah dan Rasul berpandukan apa yang ditinggalkan Baginda, iman manusia semakin meningkat, maka natijahnya dunia akan lebih damai dan selamat buat penghuninya.

Ironinya, pada hari ini ada segelintir pihak yang mendakwa mereka beragama dengan baik, mengamalkan sunnah Baginda SAW, tetapi tingkah laku, akhlak dan lidah mereka jauh dari petunjuk Baginda SAW. Jika disorot dalam teladan, Nabi SAW tidak menyakiti sesama manusia, tidak menghinakan, bahkan Baginda melarang umatnya daripada mencaci maki orang bukan Islam, apatah lagi memaki umat Islam dan manusia lain. Nabi SAW bersabda: *"Janganlah kalian saling dendki-mendengki, saling tipu menipu, saling marah memarahi, saling memutuskan hubungan. Dan janganlah sebahagian dari kalian menjual apa yang telah dijual saudaranya. Jadilah kalian semua hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lain. Dia tidak boleh menzaliminya, mengabaikannya, mendustakannya dan tidak menghinanya. Takwa itu letaknya di sini –ambil menunjuk ke dada sebanyak tiga kali. Cukuplah seseorang itu dalam kejelekan selama dia menghina saudaranya sesama Muslim. Setiap Muslim terhadap Muslim lainnya haram dan terjaga darah, harta dan kehormatannya"* (HR Muslim).

Lihat sahaja, berapa ramai orang hari ini merasakan mereka menghayati agama dan mengamalkan suruhan



BERIBADAT adalah satu tuntutan dan tidak mengganggu orang lain juga adalah satu tuntutan. - Gambar hiasan

dengan baik, tetapi dalam masa yang sama mereka menyakiti, mencaci dan menghina orang lain. Hakikatnya, rasa beragama atau mengamalkan agama adalah satu petunjuk Allah, maka hati serta jiwa akan menjadi tenang dan damai. Ia bukanlah satu tiket untuk menjadi insan suci yang menghalalkan segala perbuatan yang keji dan akhlak yang buruk.

Scenario ini dapat dilihat dalam konteks kehidupan masyarakat Islam kini. Contoh yang sering berlaku dalam masyarakat Islam adalah meletakkan kenderaan berselerak dan mengganggu pengguna lain ketika ingin melaksanakan ibadat. Scenario ini biasanya berlaku ketika ada pertambahan jemaah atau ketika solat Jumaat. Ramai orang yang mengambil mudah dengan meletakkan kenderaan hingga menghalang lalu lintas dan menyukarkan pergerakan orang ramai. Sedangkan beribadat adalah satu tuntutan dan tidak mengganggu orang lain juga adalah satu tuntutan. Dengan itu jemaah perlu lebih berdisiplin dalam meletakkan kenderaan.

BERPADA-PADALAH

PERKARA yang menyakiti dan dilarang adalah melangkah jemaah lain untuk ke saf hadapan. Situasi ini sering berlaku ketika solat jemaah terutamanya ketika solat Jumaat. Terdapat segelintir jemaah

yang datang lewat ke masjid tetapi ingin berada di saf yang di hadapan untuk mengejar ganjaran pahala yang besar. Jadi mereka melangkah orang demi orang untuk sampai ke saf hadapan.

Tujuan yang baik untuk ke saf hadapan tidak menghalalkan cara yang digunakan melainkan ada laluan yang sesuai. Dari Jabir bin Abdullah bahawasanya, ada seorang lelaki masuk ke masjid pada hari Jumaat ketika sedang Nabi SAW menyampaikan khutbah, lalu dia melangkahi atas tengkuk orang-orang (yang sedang duduk), lalu Nabi SAW bersabda: *"Duduklah! Kerana sesungguhnya engkau telah menyakiti (mengganggu), dan telah datang lambat"* (HR Abu Daud).

Selain itu, termasuk dalam perkara menyakiti dan memandang rendah orang lain adalah pandangan sinikal kelompok pengamal sunnah terhadap orang yang tidak mengamalkan perkara sunat atau perkara sunat dinisbahkan kepada apa yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Misalnya jika seseorang mengamalkan rutin memakan kurma, habbatus sauda atau madu sebagai makanan tambahan dengan sandaran sebagai mengikut sunnah Nabi SAW, janganlah menghina dan merendahkan orang yang tidak mengamalkannya. Ini kerana konsep sunat di sini membawa maksud sesuatu itu diberi pahala jika melakukannya dan tidak berdosa jika meninggalkannya. Bahkan, ia tidak menjadi satu kewajipan

bagi setiap orang Islam tetapi digalakkan.

Tindakan yang sama juga berlaku dalam isu memboikot. Ramai yang menghina dan memandang rendah dengan orang yang mencari rezeki halal kerana dakwaan bersubahat dengan Israel. Jika hendak memboikot sekalipun, berpada-padalah dan jangan sampai menyakiti orang yang tidak bersalah. Kita marah dengan Israel atas kezaliman yang mereka lakukan kepada penduduk Palestin tetapi tanpa disedari kita turut terikut dengan cara Israel dalam menyakiti mereka yang seagama dengan kita. Sedangkan Nabi SAW memberi jaminan sifat seorang Mukmin yang baik dalam sabda Baginda: *Seorang Islam yang sejati adalah mereka yang selamat orang Islam lain dari tangan dan lidahnya* (HR Muslim).

Beigitu juga dalam konteks wacana hukum agama di Malaysia. Apabila kita mampu memahami agama dengan baik, ia bukan tiket untuk menghina agamawan, ulama atau mengelincikan pandangan mufti. Fahami konsep dan adab berbeza pandangan dalam kalangan ulama dan jangan mencampuri sesuatu yang di luar bidang kepakaran. Kita boleh untuk tidak bersetuju dengan pandangan sesejapa, tetapi dari segi autoriti hukum, berpeganglah dengan pandangan pihak yang punya autoriti dan jangan menggelar ulama dan mufti dengan panggilan kesat. Gelaran buruk ini sekali gus menghina institusi ulama

“Lihat sahaja, berapa ramai orang hari ini merasakan mereka menghayati agama dan mengamalkan suruhan agama dengan baik, tetapi dalam masa yang sama mereka menyakiti, mencaci dan menghina orang lain.

sebagai pewaris dan penyambung risalah yang dibawa oleh Nabi SAW.

Dalam hadis yang lain Baginda menjelaskan tentang orang paling dicintai dan dibenci baginda SAW. Sabda Nabi SAW: *Sesungguhnya di antara orang yang paling aku cintai dan paling dekat duduknya denganku pada hari kiamat adalah orang yang paling baik budi pekerti antara kalian. Dan sesungguhnya orang yang aku paling benci di antara kalian dan jauh tempat duduknya dariku adalah orang banyak bicara yang tidak bermanfaat, sering merendahkan orang lain dan yang sombang tidak mahu kalah saat berbicara* (HR al-Tirmizi).

Tegasnya, dalam mengamalkan ajaran agama untuk menjadi orang yang beragama, cabarannya sangat besar. Syaitan akan gigih berusaha untuk menggagalkan suatu perkara yang baik daripada dilaksanakan. Pelbagai helah akan digunakan untuk menghalangnya. Sekalipun telah berjaya dilaksanakan, syaitan akan berusaha untuk menggagalkan kejayaan tersebut dengan menanam sikap takabbur, sum'ah dan riak serta akhlak buruk. Jadi syaitan akan menghiasi tingkah laku dan perkataan manusia dengan keelokan dan menjustifikasi matlamat yang baik walaupun ia dilihat tidak beradab, kurang ajar dan mementingkan diri. Justeru, sentiasalah tuntut ilmu agama agar kita tidak mudah terpedaya dengan hasutan syaitan.

Sehubungan dengan itu, dalam beragama atau mengamalkan agama dengan baik, seorang Muslim tidak boleh menyakiti orang lain, tidak boleh mencaci, memaki hamun, menghina dan merendahkan orang lain. Sebaik-baik manusia di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa. Apa yang paling ditakuti adalah, kita rasa semakin kuat beragama tetapi hakikatnya kita ditipudaya dengan rasa pseudotakwa, malahan semakin jauh dari petunjuk Allah SWT dan pedoman Rasulullah SAW.

PENULIS Profesor Madya Dr Mohd Anuar Ramli merupakan Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Perkasa sektor pelancongan

PL fokus pendekatan 5S tahun 2024

KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) memfokuskan konsep pendekatan 5S bagi memantapkan industri pelancongan di pulau itu sepanjang tahun 2024.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata pendekatan yang dilaksanakan itu bertujuan untuk memperkenalkan kepelbagaian dan keunikan yang ada di pulau itu kepada pelancong dalam dan luar negara.

Katanya, pendekatan 5S itu termasuklah fenomena matahari terbit dan terbenam, pantai yang bersih, makanan laut segar, bebas cukai dan akitiviti sukan laut.

"Dengan adanya keistimewaan yang ada di Labuan seperti makanan laut yang segar dan mampu milik sudah pastinya menjadi salah satu tarikan pelancong ke Labuan untuk menikmati makanan tersebut."

"Selain itu, Labuan juga dikenali sebagai pusat aktiviti sukan laut bertaraf antarabangsa seperti Labuan International Sea Challenge yang telah menjadi sukan tahunan dan mendapat penyertaan menggalakkan dari negara luar,"



PULAU Papan merupakan salah satu pulau indah yang terdapat di Labuan. - Gambar hiasan

kata beliau.

Mengulas lanjut mengenai perancangan Perbadanan Labuan dalam industri pelancongan bagi 2024, beliau berkata pihaknya telah menyeru semua agensi-agensi kerajaan untuk membantu mempromosikan industri

pelancongan di Labuan.

"PL telah bekerjasama dengan pelbagai sektor agensi kerajaan dan swasta untuk bersama-sama mempromosikan industri pelancongan dengan pendekatan 5S.

"Sepertimana yang diseru oleh

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengadakan lawatan ke Labuan baru-baru ini, beliau meminta menteri dan kementerian-kementerian untuk datang bagi melaksanakan pelbagai program bukan sahaja dari segi pelancongan malahan program-program



AKTIVITI yang julung kali diadakan berjaya mencatat sebanyak 250 penyertaan.

Aktiviti glamping catat penyertaan luar negara

PROGRAM Glamping Borneo Ambang Tahun Baharu 2024 baru-baru ini berjaya mencatat sebanyak 250 penyertaan dari dalam dan luar negara.

Aktiviti yang julung kali diadakan itu mencatatkan 25 penyertaan daripada negara jiran Brunei diikuti Sabah 24; Sarawak 15 serta Labuan 186.

Dalam program itu, sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori agensi.

Bagi kategori agensi, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dinobatkan sebagai johan dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.

Manakala naib johan diraih Jabatan Imigresen Malaysia sementara Jabatan Perpaduan mendapat tempat ketiga dan

masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM800 dan RM600.

Untuk kategori terbuka, Tenda Lakibiny & Blacklite muncul tempat pertama dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000 selepas penentuan mata menewaskan Soulmate Camperz yang akur di tempat kedua (RM15,00) diikuti Rer Camperz di tempat ketiga (RM1,000).

Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. Turut hadir, Timbalan Pengurus Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Fadzilah Mahmud. **WK**

Keunikan Pulau Borneo pacu pertumbuhan ekonomi

LABUAN yang sinonim dengan gelaran Pulau Borneo memiliki pelbagai keunikan dan tarikan pelancongan yang tersendiri sekali gus menyumbang kepada ekonomi khususnya dalam sektor pelancongan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail**, sektor pelancongan merupakan salah satu teras pembangunan di Labuan dan ia menjadi satu keutamaan pihaknya sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Industri pelancongan di Labuan merupakan salah satu teras pembangunan yang kita tekankan. Dengan kekuatan lokasi pelancongan yang menarik, saya yakin industri pelancongan akan meningkat.

"Labuan memiliki tiga buah pulau

yang telah diiktiraf sebagai Taman Laut Kebangsaan dan terdapat juga lokasi bagi penyelam. Dalam masa yang sama, di sini juga mempunyai empat buah kapal perang dunia kedua yang menjadi tarikan pelancong.

"Seperti yang diketahui umum, Labuan merupakan sebuah pulau bebas cukai yang boleh dinikmati oleh pelancong untuk mereka mendapatkan barang yang tidak dikenakan cukai," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Rithuan berkata dengan kemajuan industri pelancongan pada hari ini, ia mampu memacu ekonomi pelbagai sektor pembangunan di pulau tersebut lebih-lebih lagi Labuan juga dikenali sebagai hab logistik, industri minyak dan gas selain Hab Kewangan Islam Antarabangsa. **WK**



LABUAN memiliki pelbagai tarikan tersendiri.

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

Ke arah tahap integriti tertinggi dan budaya beretika

PPj lakar sejarah terima sijil ISO

SABRINA SABRE

KERJA keras warga kerja Perbadanan Putrajaya (PPj) merupakan faktor utama kejayaan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memperolehi pelbagai pencapaian membanggakan dalam tempoh beberapa tahun ini.

PPj sekali lagi melakar nama apabila menerima Sijil Penghargaan Pencapaian Pensijilan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/EC 27001:2013 sempena Majlis SIRIM Industri 2023 peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penganugerahan tersebut adalah bukti komitmen PBT itu menuju ke arah tahap integriti tertinggi dan budaya beretika dalam operasi pentadbirannya.

"Pensijilan ISMS MS ISO/EC 27001:2013 merupakan satu piawaian antarabangsa yang perlu dipatuhi dalam usaha PPj untuk menguruskan dan melindungi maklumat sensitif organisasi.

"Di dalam pensijilan ini, PPj telah berjaya mematuhi kesemua 10 klausu dan 114 kawalan sebagaimana yang digariskan di dalam keperluan standard pensijilan," ujar beliau.

Dalam masa sama, Fadlun berkata objektif pensijilan tersebut adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat bagi Sistem Kewangan



ANTARA wakil PPj yang hadir menerima sijil penghargaan pencapaian pensijilan ISMS baru-baru ini.

Dan Perakaunan Perbadanan Putrajaya selaras dengan keperluan dan kehendak pemegang taruh (*stakeholders*).

"Ia juga menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan

terhadap kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan maklumat agar dapat dicapai dengan lebih selamat dan terjamin.

"Langkah ini bagi memastikan maklumat yang sensitif dilindungi secukupnya daripada akses atau

kecurian tanpa kebenaran sekali gus membolehkan PPj memacu kemajuan teknologi negara yang selanjutnya.

"Pensijilan ini juga mencerminkan komitmen teguh kami terhadap keselamatan

maklumat yang penting kepada PPj untuk menawarkan penyelesaian teknologi bertaraf dunia kepada pelanggan kami dengan keyakinan terhadap keselamatan dan privasi data mereka," ujarnya.

Selain itu, Fadlun memaklumkan bagi memantapkan lagi operasi, pasukan Jawatankuasa Kerja ISMS telah ditubuhkan terdiri daripada pelbagai peringkat personel yang berpengalaman dalam membantu melaksanakan pengurusan ISMS, mengenal pasti, menilai serta menguruskan risiko berkaitan keselamatan maklumat sekali gus memastikan organisasi bersedia sepenuhnya dalam apa jua keadaan.

Beliau berkata pihak PPj sentiasa komited dalam meluaskan skop pensijilan dengan sasaran seterusnya iaitu untuk mendapatkan pensijilan versi terbaru ISMS iaitu pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO 27001:2022 pada tahun 2024.

"Susulan pensijilan yang diterima, kami akan terus komited terhadap keselamatan maklumat, sebagai aspek penting dalam memacu gerak kerja selaras dengan pertumbuhan dan perubahan teknologi semasa.

"Semoga kejayaan ini akan menjadi pemangkin dan pembakar semangat kepada seluruh warga Perbadanan Putrajaya khususnya untuk terus melakar kejayaan yang cemerlang pada masa hadapan," ujar beliau. WK

Bengkel media sosial buat warga Putrajaya dan sekitar

PADA era moden ini, kaedah pemasaran konvensional sudah menjadi kurang sesuai untuk sampai ke sasaran yang lebih besar. Penggunaan teknologi perlu diguna pakai sepenuhnya, sekurang-kurangnya menggunakan kaedah pemasaran digital untuk perniagaan anda.

Justeru itu, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif melaksanakan Bengkel Media Sosial Content Creator Usahawan Putrajaya yang akan berlangsung pada 13 dan 14 Januari ini bertempat di Hotel Mercure, Shaw Parade Kuala Lumpur.

Dalam masa sama, tujuan pelaksanaan program adalah untuk memberi latihan kepada usahawan bagi menghasilkan iklan dan promosi yang terbaik di media sosial di samping meningkatkan pendapatan mereka.

Jadi jangan lepaskan peluang ini, ayuh cepat mendaftar kerana penyertaan dan tempat terhad kepada 35 orang sahaja.

Buat para usahawan Putrajaya dan kawasan sekitarnya yang berminat untuk menyertai bengkel

tersebut, yuran akan dikenakan sebanyak RM100 seorang.

Bengkel content creator yang bermula pada pukul 8.30 pagi itu menawarkan pelbagai cara untuk membantu memasarkan produk atau perkhidmatan anda dengan lebih kreatif dan mampu berdaya saing dalam dunia perniagaan global.

Dalam pada itu, dengan menyertai bengkel ini, anda juga akan didedahkan dengan SEO strategy, video editing, content beg

kuning, live marketing, script live dan macam-macam lagi modul yang akan dikongsikan kepada peserta selama dua hari penganjuran program.

Sila layari laman sesawang <https://ppj.my/bengkelmediasosial2> untuk pendaftaran. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 6 Januari 2024 (Sabtu).

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi di talian **019-385 1544** (Perbadanan Putrajaya). WK



SEKITAR Bengkel Content Creator Usahawan Komuniti Putrajaya 2023.

**BENGKEL MEDIA SOSIAL
CONTENT CREATOR
USAHAWAN PUTRAJAYA 2.0**

**YURAN PER INDIVIDU
RM 100**

Satu-satu Penyertaan
Sarapan Pagi, Makan
Tengah Hari Dan Minum
Petang Disediakan

13-14 JAN

Anjuran:
Unit Hal Ehwal Nilai, Ekonomi & Kebajikan,
Bahagian Perkhidmatan Komuniti & Sultan,
Jabatan Perkhidmatan Bandar

Masnowi: 019-385 1544 / 03-8887 7588
Norehan: 03-8887 7556
Hidayah: 03-8887 7155
Wan Zuraizah: 03-8887 7155

Sukan angkat berat sebat dalam jiwa

Elvin Hidayat sambung legasi keluarga

SABRINA SABRE

MENJADIKAN bapa dan abang sebagai idola dalam sukan angkat berat, atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Elvin Hidayat, 20, berkata dia bertuah kerana dapat menyambung legasi kedua-dua insan penting dalam hidupnya.

Bagi anak kepada legenda angkat berat negara, Hidayat Hamidon, dia tidak akan menghamparkan impian bapanya untuk melihat dirinya beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti.

“Saya yakin dengan bekerja keras diiringi komitmen yang tinggi, tidak mustahil ia akan berjaya dicapai. Mungkin akan mengambil masa bertahun-tahun namun tiada yang mustahil.”

“Memandangkan ini jalan yang saya pilih dan banggakan, sudah tentu saya tidak akan berhenti di pertengahan jalan begitu sahaja,” ujar adik kepada atlet angkat berat negara, Muhammad Erry Hidayat.

Bercakap tentang perkembangan terbaharunya pula, pelajar jurusan Diploma Pengajian Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam ini sedang mempersiapkan diri untuk menghadapi kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang



AKSI Elvin Hidayat ketika Kejohanan Angkat Berat Youth, Junior dan Senior Kebangsaan 2023 di Rompin, Pahang.

bakal berlangsung di Sarawak pada Ogos ini.

“Saya baru sahaja pulang ke Malaysia selepas berhempas-pulas menjalani latihan di Korat, Thailand untuk persediaan ke SUKMA di Sarawak. Dalam masa sama, saya juga akan menyertai pertandingan

angkat berat kebangsaan dalam bulan ini.

“Saya perlu bersiap sedia dari semua segi kerana sukan angkat berat ini bukan hanya memerlukan kekuatan fizikal semata-mata, namun ia turut merangkumi aspek kerohanian.

“Mental yang sihat dan stabil memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi seseorang atlet,” ujarnya apabila kesemua elemen ini seimbang, lebih mudah untuk atlet mengawal emosi ketika beraksi.

Mula bergiat aktif dalam sukan

Pencapaian Elvin Hidayat

2023 – Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Youth, Junior, Senior - Emas

2022 – Kejohanan Angkat Berat Pelapis dan Bakar Negeri SIRKIT 1 - Emas

2022 – Kejohanan Angkat Berat Junior dan Senior Kebangsaan Sarawak - Tempat kedua

angkat berat ketika berusia 15 tahun, Elvin mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya berjaya.

“Saya menjalani sesi latihan pada setiap hari, tiada kompromi. Berlatih di gimnasium dan melakukan senaman fizikal adalah wajib dan saya tidak kisah berkorban masa dan tenaga ke arah itu.

“Sama seperti sukan yang lain, atlet perlu bersedia memberikan 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkan sebarang kecederaan,” ujar anak kedua daripada tiga adik-beradik ini lagi.

WK

Tiga fokus utama FAM pada tahun 2024

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) menjadikan tiga pertandingan antarabangsa melibatkan skuad Harimau Malaya dan skuad Bawah 23 Tahun (B-23) sebagai fokus utama badan induk it.

Presidennya, **Datuk Hamidin Mohd Amin** berkata dua pertandingan mustahak skuad Harimau Malaya kendalian Kim Pan Gon adalah Piala Asia 2023 di Doha, Qatar bulan depan serta pusingan kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027.



HAMIDIN

Beliau berkata antara kedua-dua itu, pusingan kelayakan Piala Dunia/ Piala Asia yang terpenting kerana Malaysia menyasarkan layak ke pusingan ketiga kelayakan buat julung kali sekali gus mengesahkan tempat ke Piala Asia 2027 serta semakin hampir dalam perjalanan mencapai impian beraksi di Piala Dunia.

“Paling penting kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 kita layak secara merit ke Arab Saudi (tuan rumah Piala Asia 2027)...saya kata kepada Kim Pan Gon pasukan perlu layak seawal mungkin, tak boleh tunggu sehingga saat akhir,”

kataanya baru-baru ini.

Ketika ini, Malaysia mendahului saingan Kumpulan D pusingan kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 dengan mengumpul enam mata selepas menundukkan Kyrgyzstan 4-3 di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini dan melakar kemenangan tipis 1-0 ke atas Taiwan di Taipei, bulan lepas.

Malaysia akan meneruskan saingan kumpulan bertemu pasukan pilihan Oman di Muscat dan melayan kunjungan pasukan ke-74 dunia itu di sini masing-masing pada Mac depan, diikuti Kyrgyzstan di Bishkek dan berdepan Taiwan pada aksi terakhir di sini, yang berlangsung pada Jun.

Hanya dua pasukan teratas setiap kumpulan akan melangkah ke pusingan ketiga kelayakan Piala Dunia 2026 dan mengesahkan tempat di Piala Asia 2027.

Sementara itu, Hamidin berkata bagi skuad B-23 pula, anak buah Juan Torres Garrido dijadual mengharungi kempen Piala Asia B-23 di Qatar, April depan yang turut menawarkan tiga slot ke Sukan Olimpik Paris 2024.

“Kita tahu bukan senang untuk layak ke Olimpik, hanya tiga pasukan yang akan layak sudah tentunya Korea Selatan dan Jepun antara pilihan berdasarkan statistik semasa,” kata Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) itu.

Menyedari cabaran hebat dalam ketiga-tiga pertandingan itu, Hamidin berkata FAM akan berusaha semaksimumnya untuk membantu dua skuad kebangsaan berkenaan mencapai sasaran masing-masing.

“Kita kena habis-habisan untuk pasukan kebangsaan dan B-23, kalau dapat pendedahan pergi ke luar negara lagi baik terutama untuk skuad B-23 supaya dapat berlawan pasukan yang lebih bagus, tetapi ia menelan perbelanjaan yang tinggi,” kata Hamidin.

Mengulas lanjut, beliau berkata FAM turut akan memberikan tumpuan kepada kejohanan Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) 2024 yang dijadual berlangsung pada hujung tahun selain usaha memperkasakan bidang futsal, pasukan bola sepak wanita dan program-program di bawah badan induk itu. - BERNAMA

OCBC Cycle KL 2024 perkenal kembali kategori kanak-kanak

SELEPAS kali terakhir mengadakan acara kayuhan untuk kanak-kanak pada 2011, OCBC Cycle Kuala Lumpur atau popular dengan nama ‘The City Ride’ sekali lagi tampil memperkenalkan kategori Kids Push Bike dalam edisi ketujuh pengajuran acara itu pada 3 Mac 2024.

Pengarah Urusan OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Julius Evanson berkata kategori itu bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak menyertai acara kayuhan berbasikal dengan keselamatan yang terjamin selain menarik lebih ramai peserta dengan jangkaan 3,000 penyertaan tahun depan.

Beliau berkata ia terbuka kepada kanak-kanak berusia tiga hingga tujuh tahun melibatkan perlumbaan sejauh 250 meter (m) dan 200m.

“Sekarang kami telah bersedia untuk menganjurkan kategori kanak-kanak. Pada edisi 2011 kami adakan kategori kanak-kanak tetapi agak sukar untuk mengendalikan golongan kanak-kanak ini berbanding kategori dewasa.

“Jadi pasca pandemik kami mengadakan perbincangan dengan pengajur, Multi Green Events untuk



ADAM ADLI

menganjurkan semula kategori Kids Push Bike,” katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian OCBC Kuala Lumpur 2024 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim pada Khamis.

Beliau berkata seperti pengajuran tahun lepas, sebanyak dua kategori dipertandingkan untuk golongan dewasa iaitu 42 kilometer (km) dan 21km, yang terbuka kepada peserta berusia 18 tahun ke atas.

Sementara itu, **Adam Adli** melihat acara kayuhan berbasikal bukan sahaja mampu menjadi kerangka acara sukan bersifat perlumbaan, tetapi juga sebagai aktiviti penting dalam meningkatkan tahap pembudayaan sukan dan gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Sudah tentu acara seperti Kuala Lumpur OCBC Cycle mempunyai potensi sebagai ruang penyerahan bakat, namun kita mahu acara seperti ini menjadi kesempatan untuk menarik lebih ramai rakyat Malaysia memikirkan tentang kepelbagaiannya peranan aktiviti sukan dalam kehidupan sehari-hari,” katanya.

- BERNAMA

Berubah kerana Nur Eshal Zahra

DARI MUKA 24

SYAFIQ akui banyak perubahan pada dirinya sejak bergelar ayah kepada anak perempuannya, Nur Eshal Zahra yang kini sudah pun berusia tujuh bulan.

"Kalau nak cakap perubahan dari segi perangai atau sikap tu, saya tak boleh nak komen. Hanya orang terdekat sahaja yang boleh menilainya."

"Cuma apa yang saya perasan, perubahan yang banyak berlaku adalah dari segi masa. Kalau dulu banyak masa di luar rumah atau lepak dengan kawan-kawan tapi sekarang saya banyak menghabiskan masa di rumah."

"Kalau dulu duduk rumah pun, saya akan banyak praktis menyanyi kerana ketika itu suara baru nak menjadi. Memang saya 'melalak' sampai pulak tiga pagi berlatih menyanyi."

"Tapi sekarang, banyak masa di rumah layan anak. Latihan menyanyi pun banyak dekat studio. Kalau di rumah, isteri tegur nanti ganggu anak katanya," ceritanya sambil berseloroh.

Syafiq juga turut memberitahu dia kini sudah berpindah ke sebuah kediaman atas tanah yang lebih selesa sesuai dengan statusnya yang sudah pun hidup berkeluarga.

Untuk rekod, Syafiq dan isterinya, Alia Nadia berkahwin pada 10 Oktober 2021. **WK**



Impian Hael Husaini belum tertunai

PENYANYI popular **Hael Husaini** meluahkan hasrat untuk bekerjasama dengan penyanyi duo legenda yang juga adik-beradik iaitu Azlina Aziz dan Liza Aziz.

Bagi Hael atau nama sebenarnya, Hael Husaini Razmi, 36, satu penghargaan buat dirinya jika diberi peluang untuk bekerjasama dengan penyanyi duo itu.

Saya bercita-cita tinggi untuk bekerjasama dengan pasangan duo lagenda kita iaitu Azlina dan Liza Aziz. Saya harap suatu hari nanti akan jadi kenyataan. Inilah antara impian saya.

"Sama ada berduet atau mencipta lagu untuk mereka, belum tentu lagi. Janji dapat berkolaborasi. Iyalah, siapa tak bangga kalau dapat menjayakan lagu dengan penyanyi yang kita tahu masih hebat hingga ke hari ini.

"Pengalaman bekerjasama itulah yang mahal. Rasanya mereka menjadi inspirasi ramai penyanyi-penyanyi masa kini. *Insya-Allah*, ada perancangan ke arah itu nanti," katanya.

Sebelum ini Hael pernah bekerjasama dengan beberapa penyanyi hebat termasuk Datuk Seri Siti Nurhaliza, Dayang

Nurfaizah, Nabila Razali dan ramai lagi.

Sementara itu, satu berita baik buat para peminat apabila penyanyi ini bakal muncul dengan album berjudul ANTONIM Part 1 yang dilancarkan pada 5 Januari.

"Sepanjang tiga tahun kebelakangan ini, saya telah menghasilkan lebih kurang 20 buah lagu (demo) untuk album pertama ini dan setelah berbincang dengan pihak label serta pasukan, hanya 10 buah lagu sahaja telah disenarai pendek selain beberapa buah lagu lama yang diberi susunan khas semula.

"Dalam album ANTONIM (Part I) terkandung lagu-lagu seperti Diam, Usia, Kejora, Please, Hero dan Sama Seperti Dulu (versi orkestra).

"Sebanyak empat buah lagu daripada album ini dipilih kerana menjadi lagu tema bagi sebuah drama bersiri popular yang mula ditayangkan baru-baru ini selain dua buah lagu lagi yang belum pernah diperdengarkan kepada umum," katanya.

Baginya, album tersebut amat penting sempena 17 tahun dirinya dalam industri sekali gus ia merupakan impian terbesar

dalam karier seninya.

"Banyak sangat cabaran serta kisah duka yang saya dan pasukan tempuhi. ANTONIM (PART I & II) saya jadikan medan untuk berkarya tetapi konsepnya berlawanan dengan apa yang sering saya hidangkan buat pendengar sebelum ini, namun keseluruhan lagu masih berkonseptan pop yang bernuansakan balada serta rock," katanya lagi.

Walau bagaimanapun, penyanyi ini sudah muncul dengan lagu Diam pada 22 Disember 2023 yang lalu di mana lagu tersebut begitu dekat dengan masyarakat.

"Ia sangat dekat dengan persekitaran kita, menghimpunkan satu luahan kekecewaan terhadap seseorang yang mengkhianati kita, orang yang berpura-pura suka terhadap kewujudan kita tetapi sedang berusaha untuk menjatuhkan kita dan ingin melihat hidup kita musnah," tambahnya lagi. **WK**



Hargailah selagi bernyawa

SEPERTI tahun-tahun yang lain, 2023 juga menyaksikan ramai selebriti pergi menghadap Ilahi. Mereka ni merupakan orang yang pernah mewarnai dunia seni dan hiburan Malaysia sehingga menjadi sebutan peminat suatu ketika dahulu. Pemergian legenda ini sangat memberi kesan kepada penyanyi dan penyampai radio, **Haiza**.

Menurut Haiza pemergian mereka menyedarkannya kematian itu boleh berlaku pada bila-bila masa.

"Ramai kawan dalam industri seni yang saya kenal dan rapat, pergi meninggalkan kita semua buat selama-lamanya. Paling terkesan bagi saya adalah pemergian Rohana Jalil, Ibnor Riza dan Datuk M Daud Kilau. Insan-insan ini pernah berkongsi pentas dengan saya. Terlalu banyak pengalaman bersama mereka yang saya tak boleh lupakan. Hanya Allah yang mampu membala-Nya.

"Umur muda atau tua, itu bukan pengukur

kita hidup lama atau singkat. Jangan ingat muda pasti hidup lama dan tua itu hampir dengan kematian. Apa yang penting, sebagai persiapan diri, sentiasalah ingat mati," katanya.

Pelantun lagu *Dag Dig Dug* dan *Ah Rindu Lagi* ini juga berharap sesiapa sahaja menghargai keluarga atau orang tersayang selagi nyawa masih dikandung badan.

"Hargailah insan-insan di sekeliling kita. Simpan kenangan bersama mereka. Sayangilah dan jagalah hati orang di sekeliling. Terasa hati sikit-sikit itu adalah lumrah. Tak ada manusia yang sempurna dalam dunia ini.

"Kalau dapat luangkan masa bersama yang tersayang terutamanya ibu bapa dan adik-beradik, itu yang terbaik sebenarnya. Mungkin masing-masing sibuk, tapi carilah masa untuk mereka," pesan Haiza.

Sempena tahun baharu 2024 ini, Haiza akui setiap tahun dia mengharapkan perkara yang sama untuk dirinya dan keluarga.

"Apa yang wajib adalah sentiasa memohon kepada Allah untuk diberikan kesihatan yang baik, dijauhi penyakit-penyakit yang menakutkan atau bahaya. Dalam masa yang sama, sentiasa memohon kepada-Nya agar rezeki seperti air sungai yang mengalir, rezeki yang berkat. Itulah kebaikan dalam hidup yang saya selalu mahukan.

"*Alhamdulillah*, saya dikurniakan

suami yang baik dan sentiasa ada ketika susah dan senang. Anak pun dah semakin besar. Saya selalu minta dengan Allah jaga dan sempurnakan budi pekerti dia.

"Dalam kerjaya pula, saya mengharapkan tahun 2024 ini tertunai impian saya nak buat album baharu. Konsep apa, akan diumumkan kemudian. Selain kerjaya sebagai penyampai radio juga berkembang di Kool 101," tambahnya lagi.

Sebagai rekod, Haiza berkahwin dengan Norhanaphe Omar, 43, dan dikurniakan seorang anak lelaki Nur Iman Syafie, 11. **WK**





SYAFIQ FARHAIN rela dikecam tapi....

DEEL ANJER

PENYANYI Syafiq Farhain yang juga anak kepada vokalis kumpulan Iklim iaitu Allahyarham Saleem, berharap netizen atau peminat lebih berhati-hati dalam mengeluarkan komen apabila lagunya bersama kumpulan legenda itu siap.

Menurut Syafiq atau nama sebenarnya Nursyafiq Farhain AM Salim, 29, dia sebagai generasi muda sudah biasa dengan kecaman warganet, namun kumpulan otai Iklim harus dihormati.

"*Insya-Allah*, tak lama lagi saya akan muncul dengan dua buah lagu baharu bersama kumpulan Iklim. Sekarang ini, susunan muzik sudah siap, tunggu lagi nak masuk studio untuk rakaman lagu sahaja.

"Apabila pihak Iklim dan pengurusannya memberi *green light*, saya bersedia memberikan komitmen yang terbaik. Bukan senang nak berkolaborasi dengan otai-otai ini.

"Saya cukup menghormati mereka, apatah lagi mereka yang ada bersama-sama arwah ayah, berjuang sebagai anak seni. Pelbagai dugaan dan rintangan yang mereka lalui bersama.

"Cuma saya harap, apabila lagu kami keluar nanti, jangan ada komen yang bukan-bukan pendek kata sehingga boleh menguris hati mereka.

"Kalau nak kritik atau kecam saya, saya tak kisah kerana sebagai generasi muda yang dibesarkan dalam zaman media sosial ini, saya sudah biasa dengan kritikan. Paling tidak pun, saya hanya berdiam diri dan biarkan sahaja komen-komen negatif.

"Namun, saya harap jagalah hati otai-otai dalam Iklim. Mereka adalah legenda yang terlebih dahulu memperjuangkan muzik dan sangat disegani. Jadi, saya harap sangat, tidak ada komen-komen yang tidak sepatutnya dilemparkan kepada mereka," katanya.

Baru-baru ini penyanyi ini memberitahu bahawa dia rasa bertuah dapat berkolaborasi dengan Iklim untuk sebuah projek khas.

Namun, dia tidak dapat memberikan komitmen sebagai vokalis tetap kerana mempunyai komitmen yang lain.

"Walaupun hanya projek khas. Kolaborasi ini amat bermakna bagi saya. Iyalah, vokalis asal ayah saya. Sudah tentu ini satu peluang yang tidak mungkin dilepaskan.

"Tidak dinafikan, sebenarnya sudah tiga bulan Iklim melamar saya untuk merakamkan lagu, tapi atas sebab-sebab tertentu baru sekarang boleh dilaksanakan.

"Saya tak nak bekerjasama dengan Iklim dalam keadaan saya mempunyai komitmen lain.

Iklim nama besar, saya tak mahu jejasan nama mereka," jelasnya lagi.

Dalam masa yang sama, dia juga tidak kisah jika ada peminat atau netizen membanding-bandangkan dirinya dengan arwah ayahnya apabila lagu tersebut dilancarkan kelak.

"Kalau orang buat perbandingan, itu perkara biasa. Tak boleh nak elak. Mana-mana penyanyi yang menggantikan vokalis asal pun, pasti akan dibanding-bandingkan.

"Saya sedia untuk terima kritikan. Semoga ia boleh membuat saya menjadi penyanyi yang lebih baik untuk masa akan datang. Sejujurnya perbandingan tu saya tak risau sangat sebenarnya. Apa yang saya bimbang adalah jika saya tidak dapat tepati apa yang Iklim mahukan.

"Walau bagaimanapun, *insya-Allah* saya cuba yang terbaik dan penuhi apa yang mereka mahukan," ujarnya.

Dalam masa yang sama, Syafiq juga memberitahu, kolaborasi ini pasti memberi kenangan manis buat dirinya kerana sebelum ini hasratnya mahu berduet dengan arwah ayah tidak kesampaian.

"Allah lebih menyayanginya. Walaupun tak sempat berduet dengan ayah, kolaborasi dengan Iklim sebenarnya juga satu peluang emas buat saya. Ia juga kenangan terindah," tambahnya.

Menyentuh tentang kerjayanya, dia mula menyanyi secara serius pada 2016 dan merupakan naib juara Program Big Stage musim pertama pada 2018.

Antara lagu popular Syafiq adalah Sayang Maafkan Aku, Kamar Hati, Kau Bidadari, Pakat Maghi Ganu dan Demi Setia. WK

